

---

# PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

## AGENSI PERSEKUTUAN

---

### 1. PENGENALAN

1.1. Pada tahun 2022, Jabatan Audit Negara perlu menjalankan pengauditan terhadap 145 penyata kewangan Agensi Persekutuan meliputi 144 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 dan satu penyata kewangan, iaitu Institut Akauntan Malaysia (MIA) yang berakhir pada 30 Jun 2022. Bilangan penyata kewangan yang diaudit berkurang daripada 147 pada tahun 2020 kepada 145 pada tahun 2021 disebabkan oleh pembubaran dua agensi, iaitu Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia dan Agensi Inovasi Malaysia.

1.2. Penyata kewangan Agensi Persekutuan pada tahun 2021 yang berjumlah 145 terdiri daripada 133 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan, 10 penyata kewangan Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah serta dua penyata kewangan Agensi Persekutuan lain. Agensi Persekutuan lain merupakan agensi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*], Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [*Akta 190*] dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*].

1.3. Setakat 31 Disember 2022, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Sijil Ketua Audit Negara terhadap 141 daripada 145 penyata kewangan Agensi Persekutuan bagi tahun 2021 seperti dalam **Lampiran 1**, manakala baki sebanyak empat penyata kewangan masih dalam proses pengauditan.

1.4. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap 30 daripada 145 penyata kewangan tahun 2021 dan baki 115 penyata kewangan telah diberikan kuasa kepada firma audit swasta untuk diaudit bagi pihak Ketua Audit Negara (KAN). Pengauditan oleh firma audit swasta dipantau dan disemak semula oleh Jabatan Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta dibuat mengikut peruntukan subseksyen 7(3), Akta Audit 1957 [*Akta 62*] yang memberi kuasa kepada KAN melantik mana-mana pihak yang berwibawa untuk menjalankan pengauditan bagi pihaknya.

1.5. Pengauditan penyata kewangan tahun 2021 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak yang bertanggungjawab dengan tadbir urus, pensampelan dan pelaporan. Ini bagi memastikan pengauditan dilaksanakan selaras

dengan piawaian perakaunan dan pengauditan untuk menghasilkan laporan yang berkualiti.

## 2. PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2021

2.1. Berdasarkan subseksyen 5(1) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*], setiap badan berkanun hendaklah mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh enam bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Subseksyen 9(1) menyatakan badan berkanun boleh memohon pelanjutan had masa secara bertulis kepada Menteri sekiranya tidak dapat mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan dengan menyatakan justifikasi permohonan berkenaan. Subseksyen 9(2) pula menjelaskan Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan, boleh memberi pelanjutan had masa untuk mengemukakan penyata kewangan tidak melebihi tiga bulan bagi satu tahun kewangan. Kementerian Kewangan (MoF) juga telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan PA 3.2 berkuat kuasa pada 16 Ogos 2021 bertujuan untuk menambah baik proses penyediaan penyata kewangan supaya selaras dengan Akta 240.

2.2. Surat Ketua Audit Negara bertarikh 11 Julai 2018 menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan mestilah lengkap dan boleh diaudit. Penyata kewangan hendaklah mengandungi Penyata Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah yang bertandatangan; Pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan yang bertandatangan; dan dokumen serta jadual sokongan yang lengkap. Ketua Audit Negara melalui surat bertarikh 8 Mac 2021 menegaskan keutamaan pengauditan hanya diberikan kepada penyata kewangan yang dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan.

2.3. Setakat 31 Disember 2022, 145 Agensi Persekutuan telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2021 kepada Jabatan Audit Negara. Penyata kewangan bagi 134 Agensi Persekutuan telah dikemukakan sebelum atau pada 30 Jun 2022 dan 10 Agensi Persekutuan mengemukakan penyata kewangan selepas 30 Jun 2022. Selain itu, Penyata Kewangan MIA yang berakhir pada 30 Jun 2022 telah dikemukakan pada 29 Julai 2022.

2.4. Sebanyak 10 Agensi Persekutuan yang mengemukakan penyata kewangan selepas 30 Jun 2022 adalah seperti berikut:

- a. Sembilan Agensi Persekutuan telah membuat permohonan pelanjutan masa sebelum 30 Jun 2022, iaitu selaras dengan subseksyen 9(1) Akta 240. Bagaimanapun, **permohonan pelanjutan masa mengemukakan**

penyata kewangan kali kedua bagi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) telah dibuat selepas enam bulan berakhirnya tahun kewangan, iaitu pada **19 Ogos 2022**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.1**.

**JADUAL 2.1**  
**PERMOHONAN PELANJUTAN OLEH**  
**AGENSI PERSEKUTUAN SEBELUM 30 JUN 2022**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	TARIKH	
		PERMOHONAN PELANJUTAN OLEH AGENSI PERSEKUTUAN	KEMUKA PENYATA KEWANGAN
1.	Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (LPPEH)	15.06.2022	05.07.2022
2.	Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)	28.06.2022	06.07.2022
3.	Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN)	23.06.2022	19.07.2022
4.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	22.06.2022	26.07.2022
5.	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	21.06.2022	28.07.2022
6.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	22.06.2022	29.07.2022
7.	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	Pertama: 20.06.2022 Kedua: <b>19.08.2022</b>	30.08.2022
8.	Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)	15.06.2022	28.09.2022
9.	Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)	Pertama: 10.06.2022 Kedua: 29.06.2022	30.09.2022

Sumber: Surat Permohonan Pelanjutan oleh Agensi Persekutuan

- b. Satu Agensi Persekutuan, iaitu **Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)** telah mengemukakan penyata kewangan selepas **30 September 2022**, iaitu pada **22 November 2022**. **Perkara ini tidak mematuhi kehendak Seksyen 9, Akta 240**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.2**.

**JADUAL 2.2**  
**AGENSI PERSEKUTUAN YANG MENGEMUKAKAN**  
**PENYATA KEWANGAN SELEPAS 30 SEPTEMBER 2022**

AGENSI PERSEKUTUAN	TARIKH	
	PERMOHONAN PELANJUTAN OLEH AGENSI PERSEKUTUAN	MENGEMUKAKAN PENYATA KEWANGAN
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)	Pertama: 14.06.2022 Kedua: 14.07.2022	22.11.2022

Sumber: Surat Permohonan Pelanjutan oleh Agensi Persekutuan

### 3. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

3.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Agensi Persekutuan. Piawaian perakaunan yang diterima pakai di Malaysia adalah Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) dan Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS). MFRS adalah terpakai kepada Agensi Persekutuan yang tertakluk di bawah undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia (BNM) atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

3.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bertanggungjawab antaranya menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]. JANM telah menerbitkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti dinyatakan dalam Ministerial Functions Act 1969 [*Akta 2*] untuk diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta Agensi Persekutuan.

3.3. Sebanyak 116 Agensi Persekutuan telah menerima pakai MPSAS dalam menyediakan penyata kewangan bagi tahun 2021 termasuk lima Agensi Persekutuan yang menerima pakai MPSAS buat kali pertama. Selain itu, sebanyak 11 Agensi Persekutuan menerima pakai MPERS manakala 18 Agensi Persekutuan menerima pakai MFRS. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Lampiran 2**.

### 4. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

4.1. Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan ISSAI. ISSAI menetapkan sebanyak dua jenis Pendapat Audit, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

4.2. Setakat 31 Disember 2022, **141 penyata kewangan tahun 2021 telah selesai pensijilan** seperti dalam **Lampiran 1**. **Sebanyak 102 penyata kewangan telah diberi Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran, 21 diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Penegasan Perkara dan 18 diberi Pendapat Berteguran**. Bagi tahun kewangan 2020, sebanyak tujuh daripada 147 penyata kewangan Agensi Persekutuan tahun 2020 turut dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2021.

4.3. Bilangan Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit bagi tahun 2021 dan 2020 yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 4.1**.

**JADUAL 4.1**  
**BILANGAN SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA**  
**KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN MENGIKUT JENIS PENDAPAT**  
**AUDIT YANG DILAPORKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2021**

BIL.	JENIS PENDAPAT	TAHUN KEWANGAN	
		2021	2020
<b>PENDAPAT TANPA TEGURAN</b>			
1.	1.1. Tanpa Teguran	102	2
	1.2. Tanpa Teguran dengan Perenggan Penegasan Perkara	21	1
<b>PENDAPAT DIUBAHSUAI</b>			
2.	2.1. Berteguran	18	4
<b>JUMLAH</b>		<b>141</b>	<b>7</b>

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2021 dan 2020

#### 4.3.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran merupakan pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa penyata kewangan yang disediakan memberi gambaran yang benar dan saksama selaras dengan piawaian perakaunan. Sebanyak **21 penyata kewangan telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran dan perenggan Penegasan Perkara. Selain itu, 102 penyata kewangan Agensi Persekutuan tahun 2021 telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran**, iaitu termasuk 19 Sijil Ketua Audit Negara dengan perenggan Hal-hal Lain dan satu dengan perenggan Perkara Utama Audit.

#### 4.3.2. Perkara yang Tidak Menjejaskan Pendapat Juruaudit

##### a. Perenggan Penegasan Perkara

- i. Perenggan Penegasan Perkara mendedahkan perkara yang pada pertimbangan profesional juruaudit adalah amat penting dan menjadi asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan. ISSAI 2706 menggariskan contoh perkara yang boleh dilaporkan dalam perenggan Penegasan Perkara.
- ii. Perenggan Penegasan Perkara dalam Sijil Ketua Audit Negara yang telah dikeluarkan kepada 21 Agensi Persekutuan adalah seperti dalam **Jadual 4.2**.

**JADUAL 4.2**  
**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**  
**TAHUN KEWANGAN 2021 DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA
1.	Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (SWA)	<p>Penyata Kewangan SWA bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah disediakan dengan tidak berdasarkan kepada andaian usaha berterusan (non-going concern). Perkara ini berikutan pada tahun 2021, Lembaga Pengarah Bank Negara dan Menteri Kewangan telah meluluskan saranan dan penstrukturan semula SWA dengan memansuhkan Arahan Amanah 1991 bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam mentadbir urus dana SWA berkuat kuasa pada 1 Januari 2022. Dengan pemansuhan ini, perbelanjaan aktiviti sukan dan sosial kakitangan dibiayai oleh BNM dan semua dana terkumpul SWA sejumlah RM8.19 juta telah dipindahkan ke BNM pada 29 Disember 2021.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>Persembahan Penyata Kewangan SWA disediakan berasaskan konvensyen kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya dan tidak mengguna pakai sepenuhnya Prinsip-prinsip Perakaunan Diterima Umum (GAAP). Oleh itu, pendedahan mengikut GAAP perlu dibuat sewajarnya dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan bagi membolehkan penanda aras dibuat dalam industri yang sama untuk tujuan pelaporan kepada pihak berkuasa.</p>
2.	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)	<p>Sumbangan yang diterima oleh ASWARA pada tahun 2021 berjumlah RM4.07 juta (2020: RM1.38 juta). Termasuk dalam amaun tersebut adalah penyaluran peruntukan daripada Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dengan nilai keseluruhan berjumlah RM3.95 juta. Peruntukan tersebut adalah bagi tujuan pelaksanaan Program Penggalakan Pemasaran, Promosi dan Acara Pelancongan, Seni dan Budaya (RM1.80 juta); Program Pemerkasaan Sektor Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan (RM1.80 juta); dan Bantuan Pakej Pelan Data (RM0.35 juta). Sehingga Disember 2021, sejumlah RM1.34 juta telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan keseluruhan yang diterima dan baki sejumlah RM2.61 juta akan dibelanjakan dalam tahun kewangan 2022. ASWARA telah mengiktiraf keseluruhan peruntukan berjumlah RM3.95 juta sebagai Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran kerana tiada syarat pemulangan baki dana dinyatakan.</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEKASAN PERKARA
3.	Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)	Terdapat kesilapan pengiraan pada susut nilai tahun semasa yang menyebabkan belanja susut nilai bagi Hartanah, Loji dan Peralatan serta Aset Tak Ketara telah berkurang dinyatakan dalam penyata kewangan berjumlah RM147,879. Kesilapan ini berlaku kerana pertukaran kepada sistem perakaunan baharu, iaitu Government Resources Planning 9.0 (GRP 9.0). Sistem GRP 9.0 mengguna pakai kaedah pengiraan susut nilai secara bulanan berbanding sistem perakaunan terdahulu yang mengira susut nilai secara tahunan.
4.	Institut Sukan Negara (ISN)	Geran Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara dan Geran Pembangunan Anti Doping Malaysia yang berbaki debit sejak tahun 2015 masing-masing bernilai RM2.98 juta dan RM386,789. Perkara ini berlaku disebabkan penggunaan dana pada tahun terdahulu telah melebihi baki dana yang telah diperuntukkan kepada ISN. Pihak ISN dijangka akan menggunakan sumber hasil dalaman ISN dan lebihan peruntukan geran bagi tahun semasa (jika ada) untuk menyelesaikan kekurangan baki dana tersebut.
5.	Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE)	Berdasarkan Penyata Kedudukan Cukai terkini oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) pada 25 Mei 2022, KWIE dikenakan kenaikan cukai di bawah Subseksyen 107B(3), Akta Cukai Pendapatan 1967 [ <i>Akta 53</i> ] berjumlah RM20.15 juta. Jumlah ini meliputi kenaikan cukai bagi tahun taksiran 2019 dan 2020 masing-masing berjumlah RM17.92 juta dan RM2.23 juta.
6.	Lembaga Ahli Geologi (BoG)	Wujud perbezaan sejumlah RM11,200 (2020: RM28,485) antara lejar Yuran Tertunggak berjumlah RM322,935 (2020: RM331,385) dengan pangkalan data Board of Geologies Malaysia Information System (BoGMIS) berjumlah RM311,735 (2020: RM302,900). Perkara ini berlaku adalah disebabkan akaun ahli secara individu belum diwujudkan bagi tujuan perekodan Yuran Tertunggak yang merupakan isu berbangkit daripada pengauditan tahun 2019.
7.	Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM)	Keseluruhan baki akaun tunai dan bank yang berjumlah RM2.13 juta adalah tidak termasuk baki akaun Maybank Islamic Berhad yang diwujudkan bagi membiayai Programme for Quantity Surveyor Registration Scheme (PQRS). Program PQRS diadakan untuk membimbing peserta tentang hala tuju profesion ukur bahan dan keperluan menaik taraf pendaftaran sebagai Juruukur Bahan Profesional. Penganjuran program PQRS dilaksanakan secara usaha sama dengan Jabatan dan Agensi Kerajaan berkaitan serta Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Akaun bank tersebut diuruskan sebagai dana berasingan dan tidak direkodkan dalam Penyata Kewangan LJBM. Namun demikian, Jawatankuasa Pengurusan LJBM telah memutuskan akaun bank tersebut perlu direkodkan sebagai akaun bank LJBM. Baki akhir akaun bank tersebut tertakluk kepada tindakan penyesuaian oleh LJBM.

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA
8.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	<p>a. Pada tahun 2021, FELDA mengalami kerugian bersih sebelum cukai berjumlah RM36.92 juta (2020: RM713.74 juta) seperti dinyatakan dalam Penyata Pendapatan. Aliran tunai aktiviti operasi FELDA mengalami defisit berjumlah RM615.49 juta (2020: RM1.012 bilion). Pada 31 Disember 2021, kedudukan aset semasa FELDA berjumlah RM2.800 bilion dan liabiliti semasa berjumlah RM3.999 bilion menyebabkan FELDA mengalami liabiliti semasa bersih berjumlah RM1.199 bilion. Perkara ini menunjukkan aset semasa FELDA tidak dapat menampung keperluan liabiliti semasa dalam tempoh jangka pendek.</p> <p>b. Baki Pinjaman Daripada Institusi Luar FELDA berjumlah RM8.809 bilion (2020: RM7.496 bilion). Jumlah ini termasuk pinjaman RM793.44 juta (2020: RM893.54 juta) daripada Kerajaan Persekutuan. Jumlah Pinjaman Daripada Institusi Luar dan Kerajaan menunjukkan FELDA mempunyai komitmen yang tinggi untuk melunaskan pembiayaan yang diterima sehingga tempoh matang. Di peringkat Kumpulan, jumlah baki Pinjaman Daripada Institusi Luar adalah RM15.903 bilion (2020: RM14.728 bilion).</p> <p>c. Baki Geran Kerajaan berjumlah RM996.41 juta (2020: RM1.128 bilion). Penyaluran geran ini untuk membiayai projek infrastruktur, program pembangunan peneroka, penghapusan faedah pinjaman kepada peneroka, Program Perumahan Generasi Baru dan Pakej Rangsangan Ekonomi.</p> <p>d. Kemampuan FELDA memenuhi obligasi kewangannya pada masa hadapan bergantung kepada keupayaan pihak pengurusan untuk menambah baik aliran tunai agar dapat menampung kos operasi dan liabiliti kepada peneroka serta mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan.</p> <p>e. Baki Penghutang Lain FELDA berjumlah RM144.05 juta (2020: RM104.24 juta). Baki ini termasuk Prabayaran Milikan Tanah Notis 5A berjumlah RM37.86 juta meliputi 579 bayaran premium tanah yang belum menerima hak milik daripada pihak Kerajaan Negeri dari tahun 1976 hingga 2021.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>FELDA merekodkan liabiliti terakru bagi bekalan atau perkhidmatan yang telah diterima tetapi belum dipadankan dengan invois daripada pembekal. FELDA hendaklah membuat semakan status liabiliti terakru dengan invois diterima dan bayaran supaya baki dinyatakan adalah tepat.</p>



BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEKASAN PERKARA
9.	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	Polisi tahap materialiti yang diguna pakai oleh KETENGAH dalam penyediaan penyata kewangan tahun 2021 menetapkan amaun kesilapan tempoh terdahulu yang kurang daripada tahap materialiti akan diiktiraf sebagai pelarasan tahun semasa manakala hanya amaun yang melebihi tahap materialiti akan dilaraskan secara retrospektif. Perkara ini telah menyebabkan hasil sejumlah RM1.31 juta serta perbelanjaan sejumlah RM2.19 juta telah dilaraskan tahun semasa dan bukannya dilaraskan secara retrospektif bagi membetulkan kesilapan tempoh terdahulu.
10.	Lembaga Pelabuhan Bintulu (LP Bintulu)	Kedudukan kewangan LP Labuan tidak diambil kira semasa penyediaan Penyata Kewangan LP Bintulu bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021. Penyata Kedudukan Kewangan LP Bintulu pada 31 Disember 2021 telah berkurangan catat jumlah aset sejumlah RM10.76 juta, aset bersih sejumlah RM9.64 juta dan tunai di bank sejumlah RM0.10 juta. Manakala, Penyata Prestasi Kewangan LP Bintulu bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 juga berkurangan catat hasil sejumlah RM8.54 juta dan perbelanjaan sejumlah RM3.23 juta.
11.	Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (LPPEH)	Penyata Kewangan LPPEH pada tahun 2021 mencatatkan baki Belum Terima sejumlah RM283,238 (2020: RM172,933). Jumlah ini tidak termasuk jumlah tunggakan berkaitan yuran ahli yang berdaftar dengan LPPEH. Maklumat mengenai senarai penghutang berkaitan yuran keahlian bagi ahli yang masih memegang status keahlian berdaftar tidak direkodkan dalam sistem perakaunan LPPEH.
12.	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	Peruntukan Projek Pembangunan berjumlah RM40.94 juta (2020: RM44.48 juta). Termasuk dalam jumlah tersebut merupakan penyaluran geran berjumlah RM25.77 juta kepada syarikat subsidiari, iaitu CTCS Worldwide Sdn. Bhd. yang terdiri daripada <i>endowment fund</i> berjumlah RM25 juta dan modal penubuhan syarikat subsidiari berjumlah RM0.77 juta. Pelunasan <i>endowment fund</i> dan modal sejumlah RM25.77 juta sebagai Hasil Urus Niaga Pertukaran perlu dibuat sekiranya syarat dan sekatan telah dipenuhi selaras dengan MPSAS 23 – Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan).
13.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	a. Pelaburan LTAT dalam tujuh syarikat subsidiari pada tahun 2021 adalah berjumlah RM5.151 bilion. Termasuk dalam jumlah tersebut adalah kos pelaburan dalam Boustead Holdings Berhad berjumlah RM2.551 bilion dan Pharmaniaga Berhad RM113.98 juta. Pada 31 Disember 2021, nilai pasaran bagi pelaburan dalam Boustead Holdings Berhad adalah sebanyak RM638.44 juta dan Pharmaniaga Berhad sebanyak RM90.66 juta. LTAT tidak membuat penjejasan nilai terhadap Boustead Holdings Berhad berjumlah RM1.912 bilion dan Pharmaniaga Berhad berjumlah RM23.32 juta berdasarkan nilai kegunaan (value in use) syarikat subsidiari tersebut yang lebih tinggi berbanding kos pelaburan LTAT. Pengiraan nilai kegunaan

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEKASAN PERKARA
		<p>syarikat subsidiari dibuat berdasarkan anggaran unjuran aliran tunai pada masa hadapan. Pihak Audit berpendapat wujud ketidakpastian terhadap asas aliran tunai tersebut yang tertakluk kepada prestasi kewangan sebenar syarikat subsidiari.</p> <p>b. Termasuk dalam pelaburan LTAT yang berjumlah RM5.151 bilion adalah kos pelaburan dalam Boustead Petroleum Marketing Sdn. Bhd. sebanyak RM120.15 juta. LTAT telah menjual keseluruhan saham Boustead Petroleum Marketing Sdn. Bhd. kepada Pembinaan Perwira Harta Sdn. Bhd. Sebagai balasan, LTAT telah menerima saham Perwira Harta Sdn. Bhd. bernilai RM344.40 juta. Keuntungan bukan tunai sebanyak RM224.25 juta daripada urus niaga tersebut telah digunakan oleh LTAT untuk membuat sebahagian pembayaran dividen tahun 2021 yang berjumlah RM379.42 juta.</p> <p>c. Liabiliti manfaat kakitangan LTAT pada tahun 2021 adalah berjumlah RM106.12 juta. Termasuk dalam jumlah tersebut adalah manfaat perubatan selepas persaraan bukan semasa berjumlah RM71.63 juta. Pada tahun 2021, LTAT telah membuat peruntukan manfaat perubatan selepas persaraan sebanyak RM20.77 juta berbanding Laporan Penilaian Aktuari yang berjumlah RM59.43 juta. LTAT membuat peruntukan berdasarkan bajet tahunan manfaat perubatan selepas persaraan berbeza dengan anggaran yang dibuat oleh aktuari.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>a. LTAT telah mengisytihar dividen sebanyak 4.1% bersamaan RM379.42 juta pada 6 Mac 2022 untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021. Bagaimanapun, Laporan Cadangan Pembayaran Dividen Tahun 2021 oleh aktuari menyatakan pembayaran dividen pada kadar 4.1% akan menjejaskan keupayaan LTAT untuk membayar liabilitinya mengikut perenggan 11(2)(c), Akta 101. Seterusnya, Kerajaan melalui MoF telah mengeluarkan surat sokongan kewangan bertarikh 5 Mac 2022 untuk memastikan LTAT akan terus berupaya memenuhi setiap obligasi kewangannya di bawah Akta 101.</p> <p>b. Mengikut perenggan 15(1)(a) Akta 101, LTAT boleh melabur tidak kurang daripada 70% dalam pelaburan yang dibenarkan oleh atau di bawah Akta Pemegang Amanah 1949. Bagaimanapun, LTAT hanya membuat pelaburan berjumlah RM3.026 bilion atau 30.9%, iaitu kurang 39.1% daripada had ditetapkan. Perenggan 15(1)(b) Akta 101 pula membenarkan LTAT melabur tidak melebihi 30% dalam pelaburan ekuiti sama ada tidak disenaraikan atau disenaraikan di bursa saham yang ditubuhkan di Malaysia.</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEKASAN PERKARA
		<p>Bagaimanapun, LTAT telah membuat pelaburan berjumlah RM6.750 bilion atau 69.1%, iaitu melebihi 39.1% daripada had ditetapkan.</p>
14.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	<p>Aset kewangan MARA, iaitu pinjaman diberi yang tidak diukur pada kos terlunas tetapi MARA telah merekodkan pelarasan nilai kini bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan berjumlah RM5.37 juta. Perekodan pelarasan nilai kini bersih tersebut tidak menepati kaedah yang ditetapkan oleh MPSAS 29 dan polisi perakaunan MARA, iaitu menggunakan kaedah kos terlunas.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>a. MARA masih dalam proses menyelenggara senarai rekod sewaan pejabat dan premis di dalam dan luar negara mengikut tempoh perjanjian sewaan selari dengan polisi perakaunan. Oleh itu, MARA perlu memastikan senarai tersebut lengkap, kemas kini dan sempurna dalam tahun kewangan 2022 akan datang.</p> <p>b. Kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan isu kewangan seperti lejar bank dan penghutang sewaan berbaki negatif serta peralatan dalam senarai daftar aset. Perkara ini disebabkan MARA masih menggunakan sistem kewangan sedia ada, iaitu Sistem Maklumat Bersepadu MARA (SMBM) yang tidak dapat memenuhi keperluan piawaian perakaunan terkini. Selain itu, pembangunan sistem kawalan baharu, iaitu Enterprise Resourcing Planning telah tergendala seperti yang dibangkitkan dalam Surat Pengurusan. MARA hendaklah memastikan penyata kewangan dapat disediakan dengan tepat serta menangani masalah berkaitan sistem kewangan lama yang perlu dipertingkatkan.</p>
15.	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)	<p>a. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, pelunasan yang direkodkan bagi dana Skim Pembiayaan Mikro Public Private Partnership – Skim Pembiayaan Mikro – Usahawan Veteran – Angkatan Tentera Malaysia (PPP-SPM-UV-ATM) adalah sebanyak RM1.29 juta. Termasuk dalam jumlah tersebut adalah Elaun Penjejasan Nilai berjumlah RM1.02 juta yang turut mengurangkan jumlah bayaran balik Dana Skim Pembiayaan Mikro PPP-SPM-UV-ATM. Pelunasan dana berjumlah RM1.02 juta pada tahun semasa masih belum mendapat kelulusan daripada pihak Unit Kerjasama Awam Swasta atau Kementerian Pertahanan Malaysia.</p> <p>b. PERHEBAT tidak mengambil kira pendapatan lain semasa membuat anggaran peruntukan cukai pendapatan berjumlah RM49,818. Cukai pendapatan yang sepatutnya dikenakan adalah tertakluk kepada penjenisan pendapatan berkanun berdasarkan pengiraan cukai taksiran oleh LHDNM.</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA
		c. Penghutang Pinjaman Jangka Panjang berjumlah RM5.30 juta merupakan veteran ATM yang memohon Dana Skim Pembiayaan Mikro PPP-SPM-UV-ATM untuk memulakan perniagaan. Dana Skim Pembiayaan Mikro PPP-SPM-UV-ATM ini diuruskan oleh Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional. Penghutang Pinjaman Jangka Panjang berjumlah RM5.30 juta tidak dinyatakan pada nilai saksama mengikut MFRS 9 dan jumlah sebenar adalah tertakluk kepada penyesuaian rekod penghutang pinjaman dengan TEKUN Nasional.
16.	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (KRAFTANGAN)	Nilai buku bersih Tanah Pajakan pada 31 Disember 2021 berjumlah RM6.74 juta (2020: RM7.48 juta) dan Tanah Pegangan Bebas berjumlah RM1.01 juta (2020: RM1.01 juta). Termasuk dalam amaun tersebut adalah aset tanah pajakan Lot 377 Seksyen 32, Petaling Jaya, Selangor dan aset tanah pegangan bebas Lot No. 60172, KM 13, Rusila, Marang, Kuala Terengganu, Terengganu dengan nilai buku bersih keseluruhan masing-masing berjumlah RM1. Nilai buku bersih kedua-dua aset tanah tersebut telah dinyatakan pada nilai nominal berikutan keputusan KRAFTANGAN untuk mengguna pakai model kos bagi keseluruhan aset pada tahun 2021. Perubahan polisi kepada model kos sepatutnya dibuat secara menyeluruh dengan mengiktiraf setiap aset tanah dan bangunan yang bernilai nominal pada nilai saksama.
17.	Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS)	Pada 3 September 2014, Kerajaan telah bersetuju Kelab Golf Negara Subang diberi pajakan kecil ke atas tanah milik Persekutuan H.S.(D) 148046 PT 221 Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor seluas 330 ekar daripada PPGS selama 30 tahun bagi kegunaan sebagai padang golf. Kerajaan juga menetapkan perjanjian pajakan kecil dan perjanjian pengurusan perlu ditandatangani antara kedua-dua pihak dengan mengambil kira kepentingan Kerajaan dan penjawat awam serta fungsi PPGS sebagaimana tertakluk dalam Akta Perbadanan Padang Golf Subang 1968 [ <i>Akta 509</i> ]. Bagaimanapun, perjanjian pajakan kecil dan perjanjian pengurusan masih belum dimuktamadkan antara PPGS dan Kelab Golf Negara Subang walaupun isu ini telah dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara sejak pengauditan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014.
18.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	Tindakan penyesuaian dan pelarasan yang belum selesai melibatkan wang dalam perjalanan berjumlah RM7.86 juta dari tahun 2015. Pihak Audit tidak dapat menentu sahkan kesan pelarasan jika ada, terhadap jumlah yang tidak dapat disesuaikan tersebut pada kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai PTPTN bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA
		<p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>PTPTN hendaklah mengambil tindakan proaktif dalam melaksanakan obligasinya bagi menyelesaikan isu bayaran balik pinjaman oleh peminjam terlebih bayar. Penetapan polisi terhadap baki wang pendahuluan pinjaman dan lain-lain yang berkaitan hendaklah disediakan dan dipatuhi selaras dengan ketetapan piawaian perakaunan. Bagi tujuan penambahbaikan, tindakan <i>corrective</i> dan <i>preventive</i> hendaklah dilaksanakan terhadap pengurusan rekod, sistem dan prosedur bagi pengurusan pinjaman, wang yang diterima dan pendahuluan bagi memastikan wujudnya kecekapan dan ketelusan dalam pengurusan kewangan PTPTN.</p>
19.	Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)	<p>IRDA tidak mengiktiraf dan mengakrakan liabiliti sejumlah RM156.03 juta berkaitan bayaran pampasan bagi Notis Timbang Tara dan Penyelesaian Luar Mahkamah dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Sehingga bulan Oktober 2022, IRDA telah menyelesaikan sepenuhnya bayaran pampasan tersebut, iaitu sejumlah RM12.65 juta dibayar menggunakan dana Kumpulan Wang Pembangunan Khas manakala sejumlah RM147.69 juta menggunakan peruntukan dari MoF. Keseluruhan pampasan adalah berjumlah RM160.34 juta, iaitu termasuk caj faedah dari 9 April 2015 sehingga 18 Oktober 2022.</p> <p>Kedudukan liabiliti selepas bayaran pampasan tersebut tidak memberi kesan yang ketara ke atas jumlah liabiliti keseluruhan dalam Penyata Kedudukan Kewangan IRDA dan Kumpulan dan Penyata Pendapatan Komprehensif serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Liabiliti ini hanya akan direkodkan dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.</p>
20.	Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)	<p>UNIMAP hendaklah secara konsisten menggunakan kadar 14.79% sebagaimana yang dipersetujui bagi projek Private Finance Initiative supaya tidak memberi kesan terhadap lain-lain perkara. UNIMAP juga hendaklah memastikan pembayaran projek berasaskan kemajuan kerja sentiasa dikemas kini dalam Geran Pembangunan sebagai pendedahan liabiliti tanggungjawab telah dilaksanakan kepada pihak pemegang taruh.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>UNIMAP hendaklah menyelaras maklumat semua hartanah yang diduduki dan dimiliki sama ada yang diperoleh dari Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau sebagainya, dan berbincang dengan pihak berkaitan seperti Kementerian Pengajian Tinggi bagi mengenal pasti kedudukan sebenar hartanah tersebut. Permohonan bagi mendapatkan hak milik hartanah tersebut atas nama UNIMAP</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA
		hendaklah dibuat bagi membolehkan pihak UNIMAP mempermodalkan tanah tersebut bagi tujuan perakaunan.
21.	Universiti Utara Malaysia (UUM)	<p>UUM hendaklah mengekalkan lebih amaun projek di bawah Geran Tertunda Pembangunan sebagai liabiliti dan tanggungjawab UUM kepada pemegang taruh. Disyorkan pihak UUM dengan suci hati memaklumkan kepada pemegang taruh jumlah lebih dan rancangan projek pembangunan tahun semasa atau di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 yang boleh dilaksanakan dengan menggunakan baki sedia ada. Selaras dengan piawaian, baki amaun lebih projek bukanlah milik UUM tetapi amaun yang dipertanggungjawabkan oleh pemegang taruh untuk dibelanjakan bagi memastikan nilai wang sebenar dimanfaatkan.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>Memastikan wujudnya kawalan dalaman dan pemantauan terhadap status projek khususnya projek telah siap dan perlu dipermodalkan dalam tahun berkaitan. Terimaan bagi tahun semasa juga hendaklah direkod dan diambil kira sepenuhnya bagi memastikan pengiktirafan hasil adalah benar dan saksama.</p>

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2021

- iii. Trend pensijilan bagi tempoh tiga tahun untuk Agensi Persekutuan yang diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Penegasan Perkara pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 4.3**.

**JADUAL 4.3**  
**TREND PENSIJILAN BAGI TEMPOH TIGA TAHUN**  
**UNTUK AGENSI PERSEKUTUAN YANG DIBERIKAN PENDAPAT TANPA**  
**TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA PADA TAHUN 2021**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENDAPAT AUDIT		
		2021	2020	2019
1.	Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (SWA)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
2.	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
3.	Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
4.	Institut Sukan Negara (ISN)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Berteguran	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)
5.	Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
6.	Lembaga Ahli Geologi (BoG)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Berteguran
7.	Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
8.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)
9.	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Berteguran	Berteguran

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENDAPAT AUDIT		
		2021	2020	2019
10.	Lembaga Pelabuhan Bintulu (LP Bintulu)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)
11.	Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (LPPEH)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)
12.	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
13.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Berteguran	Berteguran
14.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Berteguran	Berteguran
15.	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)
16.	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (KRAFTANGAN)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
17.	Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Berteguran
18.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)
19.	Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
20.	Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)
21.	Universiti Utara Malaysia (UUM)	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2019 hingga 2021

## b. Perenggan Hal-hal Lain

- i. ISSAI 2706 menyatakan perenggan Hal-hal Lain merujuk kepada perkara selain daripada yang didedahkan atau dinyatakan dalam penyata kewangan. Pada pertimbangan juruaudit, perkara berkaitan adalah relevan kepada pemahaman pengguna mengenai pengauditan, tanggungjawab juruaudit atau laporan Audit.
- ii. Sijil Ketua Audit Negara terhadap penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 untuk 19 Agensi Persekutuan dengan perenggan Hal-hal Lain adalah seperti dalam **Jadual 4.4**.

**JADUAL 4.4**  
**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**  
**TAHUN KEWANGAN 2021 DENGAN PERENGGAN HAL-HAL LAIN**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PERENGGAN HAL-HAL LAIN
1.	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	MARDI hendaklah memastikan Penyata Aliran Tunai disediakan dengan teratur dengan memastikan aliran tunai daripada aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan dilaporkan dengan betul dan lengkap.

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PERENGGAN HAL-HAL LAIN
2.	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)	<p>a. Kelemahan dalam penyelenggaraan rekod peruntukan geran pembangunan dan polisi pelunasan geran pembangunan yang tidak mematuhi MPSAS 23.</p> <p>b. KEDA hendaklah mematuhi MPSAS 23 ketika merekodkan perbelanjaan dan pelunasan peruntukan geran pembangunan bagi memastikan baki akaun yang dilaporkan adalah tepat dan penyata kewangan memberikan gambaran yang benar dan saksama.</p>
3.	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)	PERDA hendaklah mengenal pasti amaun terhutang daripada syarikat subsidiari, iaitu PERDA Ventures Incorporated Sdn. Bhd. dan mengambil tindakan sewajarnya untuk mendapatkan amaun terhutang tersebut.
4.	Lembaga Pelabuhan Johor (LP JOHOR)	Peruntukan hutang ragu tidak dibuat secara spesifik terhadap penghutang perniagaan pada setiap akhir tahun kewangan. Peruntukan hutang ragu secara spesifik perlu dibuat bagi memudahkan pihak LP Johor membuat kawalan terhadap penghutang yang membuat bayaran semula pada masa akan datang.
5.	Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK)	Kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan bagi item baki aset cukai tertunda yang tidak dapat disahkan ketepatannya kerana pelarasan tidak dibuat dalam tahun semasa.
6.	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)	<p>a. Wujud kelemahan integrasi antara sistem inventori Reproductive Health Information System (RHIS) dan sistem kewangan Century Censof LPPKN. Perkara ini disebabkan limitasi sistem RHIS yang hanya berintegrasi dengan sistem Century Censof bagi inventori keluar sahaja.</p> <p>b. Penambahbaikan terhadap pengintegrasian antara sistem inventori dan sistem kewangan perlu dilaksanakan bagi memastikan pergerakan inventori memberikan gambaran yang benar dan saksama serta meningkatkan kebolehpercayaan terhadap sistem dan pergerakan inventori.</p>
7.	Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)	ECERDC hendaklah memastikan perekodan dan pelarasan bagi item Geran Tertunda adalah teratur dan mengikut kumpulan dana yang telah diperuntukkan.
8.	Perbadanan Labuan (PL)	<p>a. PL perlu mempunyai senarai terperinci yang lengkap bagi menyokong baki Kumpulan Wang Pembangunan dalam penyata kewangan serta memastikan rekod transaksi geran tersebut adalah kemas kini, teratur dan jelas.</p> <p>b. Sistem Kewangan PL yang mana wujud kelemahan dan kesilapan dalam melaksanakan transaksi pembayaran dan kutipan hasil</p>



BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PERENGGAN HAL-HAL LAIN
		menyebabkan banyak baucar bayaran serta resit yang dibatalkan atau dipadam. Penambahbaikan terhadap sistem kewangan perlu dilaksanakan bagi memastikan kesilapan dapat dikurangkan dan kebolehpercayaan terhadap sistem dan butiran transaksi tersebut.
9.	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)	Status hak milik tanah dan bangunan Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC) belum dimuktamadkan oleh MATRADE dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.
10.	Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp.)	<p>a. Peruntukan Manfaat Perubatan Pasca Persaraan perlu mengambil kira kesemua kakitangan yang sedang berkhidmat dan manfaat yang layak diterima bagi mematuhi MPSAS 25 Manfaat Pekerja.</p> <p>b. Pelunasan Geran Tertunda perlu direkod sebagai pendapatan tahun semasa apabila syarat geran telah dipenuhi selaras dengan MPSAS 23 Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran.</p>
11.	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)	Baki awal bagi peruntukan hutang ragu tidak disediakan secara individu dan terperinci. Perkara ini penting bagi memastikan maklumat pinjaman lengkap dan kemas kini memandangkan pinjaman adalah aktiviti utama PTPK.
12.	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)	Keperluan CAAM untuk mengkaji semula dasar perekodan Hartanah, Loji dan Peralatan bagi mematuhi kriteria pengiktirafan yang ditetapkan dalam MPSAS 17. Perkara ini disebabkan CAAM tidak merekodkan aset yang memberikan manfaat operasi kepada agensi.
13.	Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA)	<p>a. MDA hendaklah menyediakan Polisi Operasi Standard (SOP) atau peraturan mengenai tatacara kewangan bagi memastikan pengurusan perakaunan dan kewangan adalah teratur.</p> <p>b. MDA hendaklah mempertingkatkan kawalan dalaman semasa perekodan transaksi kewangan dan penyediaan penyata kewangan bagi memastikan ketepatan penyata kewangan yang dilaporkan.</p>
14.	Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)	<p>a. Berdasarkan Seksyen 48(1) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700], EAIC hendaklah tidak lewat daripada mesyuarat pertama Parlimen bagi tahun yang berikutnya mengemukakan suatu laporan tahunan kepada Parlimen mengenai aktivitinya dalam tahun yang dimaksudkan dalam laporan itu.</p> <p>b. EAIC telah mengemukakan penyata kewangan belum beraudit yang lengkap pada 6 April 2022. Bagaimanapun, mesyuarat pertama Parlimen bagi tahun 2022 untuk rang undang-undang</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PERENGGAN HAL-HAL LAIN
		<p>dan urusan Kerajaan yang lain telah bermula pada 21 hingga 31 Mac 2022. Oleh hal yang demikian, EAIC tidak mematuhi peruntukan Seksyen 48(1) Akta 700.</p> <p>c. EAIC hendaklah seberapa segera menyediakan penyata kewangan dan menyerahkannya kepada Jabatan Audit Negara untuk diaudit. Penyata Kewangan yang telah diaudit merupakan sebahagian Laporan Tahunan yang perlu dibentangkan pada mesyuarat pertama Parlimen sebagaimana kehendak peruntukan Seksyen 48(1) Akta 700.</p>
15.	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	UMS hendaklah meningkatkan tahap pemantauan terhadap operasi dan pengurusan kewangan syarikat subsidiari UMS Investment Holdings Sdn. Bhd. dan Kumpulan, bagi memastikan kelestarian syarikat dapat dikekalkan dan berupaya untuk memberi pulangan yang baik kepada UMS.
16.	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	Kelemahan pengiraan susut nilai bagi jangka hayat aset yang menggunakan Sistem Kewangan dan Perakaunan Universiti Malaysia Sarawak, iaitu Sistem MyFAS adalah tidak selaras dengan dasar perakaunan yang dinyatakan dalam penyata kewangan menyebabkan susut nilai terkumpul dan belanja susut nilai aset yang direkodkan tidak tepat.
17.	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	UMT perlu menyelenggara rekod daftar aset dengan kemas kini bagi memastikan setiap aset dapat dikenal pasti secara fizikal. Rekod daftar aset hendaklah selari dengan rekod kewangan bagi memastikan penyediaan penyata kewangan adalah tepat.
18.	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	USIM perlu membuat pelarasan terhadap geran pembangunan supaya selaras dengan dasar perakaunan yang ditetapkan, serta memastikan rekod transaksi geran tersebut adalah kemas kini dan teratur. Langkah penambahbaikan terhadap sistem dan prosedur perlu diambil bagi memastikan rekod transaksi geran sentiasa kemas kini, teratur dan jelas.
19.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	<p>a. UiTM perlu memastikan urusan tuntutan hutang daripada pemegang biasiswa yang telah melanggar syarat kontrak perjanjian dibuat dengan segera. UiTM hendaklah mengkaji dan menambah baik sistem, proses dan prosedur yang berkaitan antaranya tempoh tindakan yang perlu diambil selepas pelanggaran syarat kontrak perjanjian.</p> <p>b. UiTM juga perlu mengkaji semula titik pengiktirafan pendapatan daripada hutang tersebut bagi memastikan jumlah hutang dilaporkan sewajarnya dalam penyata kewangan. Pemantauan khusus terhadap proses tuntutan hutang hendaklah dilaksanakan bagi memastikan risiko kerugian wang awam kesan daripada kelewatan tuntutan hutang tidak berlaku.</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PERENGGAN HAL-HAL LAIN
		c. Di samping itu, rekod kewangan berkaitan tuntutan hutang hendaklah di selenggara dengan lengkap dan kemas kini untuk memudahkan pemantauan dan pengesahan dibuat.

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2021

### c. Perenggan Perkara Utama Audit

- i. ISSAI 2701 menyatakan perenggan Perkara Utama Audit meliputi isu signifikan dalam tahun semasa yang telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus.
- ii. **Satu agensi, iaitu MIA diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan perenggan Perkara Utama Audit bagi Penyata Kewangan berakhir 30 Jun 2022.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4.5.**

**JADUAL 4.5**  
**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA DENGAN PERENGGAN PERKARA UTAMA AUDIT**

PERENGGAN PERKARA UTAMA AUDIT
<p><b>Institut Akauntan Malaysia (MIA)</b></p> <p>Ketepatan Pengiktirafan Pendapatan</p> <p>Merujuk kepada Nota 2.4(j)(i) dan Nota 15 kepada Penyata Kewangan MIA bagi tahun berakhir 30 Jun 2022, sumber pendapatan utama MIA adalah yuran keahlian dan pendapatan daripada acara dan persidangan. Sumber pendapatan ini berjumlah RM30.10 juta bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022 (2021: RM28.52 juta).</p> <p>Memandangkan kedua-dua pendapatan ini adalah komponen signifikan dalam pendapatan MIA dan melibatkan jumlah transaksi yang besar, justeru perhatian ditumpukan ke atas ketepatan pengiktirafannya.</p> <p>Prosedur Audit, antara lain:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. memperoleh pemahaman mengenai sistem, proses dan kawalan bagi menentukan ketepatan dan masa pengiktirafan pendapatan ini dalam penyata kewangan dan melaksanakan ujian ke atas kawalan utama;</li> <li>b. menjangkakan yuran pendaftaran ahli bagi tahun semasa dengan mendapatkan bilangan ahli bagi tahun semasa, didarabkan dengan yuran tahunan keahlian, dan membandingkan jangkaan tersebut dengan jumlah yuran pendaftaran ahli sebenar yang diiktiraf bagi tahun kewangan semasa;</li> <li>c. mengkaji penyesuaian yang dibuat terhadap jumlah pendapatan untuk acara dan persidangan di antara sistem perakaunan dan Sistem Maklumat Keahlian MIA yang disediakan oleh pengurusan;</li> </ol>

#### PERENGGAN PERKARA UTAMA AUDIT

- d. menyemak bilangan peserta dan yuran acara yang dikenakan kepada laporan kehadiran peserta bagi sampel invoice yang terpilih;
- e. melaksanakan ujian *cut-off* terhadap pendapatan tersebut; dan
- f. menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan untuk pengiktirafan pendapatan.

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara MIA bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2022

### 4.3.3. Pendapat Diubahsuai

ISSAI 2705 menyatakan Pendapat Diubahsuai diberikan terhadap penyata kewangan yang mengandungi salah nyata yang ketara, tidak memperoleh bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tidak memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara. Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Penafian Pendapat hendaklah digunakan mengikut kesesuaian seperti berikut:

#### a. Pendapat Berteguran

- i. Pendapat Berteguran adalah pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu atau agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan adalah material tetapi tidak pervasif.
- ii. Bagi tahun kewangan 2021 sehingga 31 Disember 2022, **18 Agensi Persekutuan telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Berteguran** seperti dalam **Jadual 4.6**.

**JADUAL 4.6**  
**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA BAGI**  
**TAHUN KEWANGAN 2021 DENGAN PENDAPAT BERTEGURAN**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
1.	Akademi Sains Malaysia (ASM)	<ol style="list-style-type: none"><li>a. Berdasarkan borang pengiraan cukai TF tahun 2020, tiada cukai perlu dibayar oleh ASM, namun sejumlah RM380,333 telah diperuntukkan dan tiada pelarasan dibuat dalam tahun semasa. Selain itu, ASM juga telah memperuntukkan cukai bagi tahun 2021 berjumlah RM133,994. Perkara ini menyebabkan liabiliti peruntukan cukai tahun 2021 berjumlah RM514,327 tidak dapat disahkan.</li><li>b. Belanja kerja-kerja pengubahsuaian, penyenggaraan dan pembaikan yang berjumlah RM1.35 juta tidak dipermodalkan selaras dengan MPSAS 17 - Hartanah, Loji dan Peralatan.</li></ol>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
2.	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	<p>Sewa Pajakan Diterima Terdahulu merupakan premium tanah yang diterima dari pemaju yang memajak tanah DBKL untuk tujuan pembangunan dan sewa pajakan tersebut dilunaskan kepada pendapatan mengikut tempoh pajakan yang dipersetujui. Pada 31 Disember 2021, baki Sewa Pajakan Diterima Terdahulu berjumlah RM97.37 juta yang diiktiraf sebagai penerimaan terdahulu telah terlebih nyata berjumlah RM18.06 juta dalam penyata kewangan. Perbezaan antara penyata kewangan dan pengiraan berasaskan kontrak tersebut tidak dapat disahkan dengan bukti yang kukuh.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>Wujud kelemahan dan kesilapan dalam aspek pengiktirafan, nyahiktiraf, pelunasan serta pendedahan aset Hartanah, Loji dan Peralatan dalam penyata kewangan. Penambahbaikan terhadap pengurusan, dokumentasi dan prosedur aset Hartanah, Loji dan Peralatan perlu dilaksanakan bagi memastikan tiada kesilapan dan ketinggalan yang signifikan berlaku dalam pengurusan dan dokumentasi maklumat penyata kewangan. Perkara ini selaras dengan peranan pelaporan kewangan, iaitu menyediakan maklumat kewangan yang benar dan saksama, relevan dan <i>faithful representation</i>.</p>
3.	Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi (KWPPD)	<p>a. Pendapatan Faedah Dividen sejumlah RM28,085 yang diterima pada tahun 2019 telah direkodkan dalam tahun semasa menyebabkan hasil semasa terlebih nyata.</p> <p>b. Amaun Pendapatan Pendaftaran di penyata kewangan berbeza dengan rekod di Sistem Perlindungan Data Peribadi sejumlah RM54,900. Perbezaan terdiri daripada pendapatan terdahulu sejumlah RM36,792 dan terimaan pendaftaran hasil sejumlah RM18,108.</p>
4.	Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)	<p>a. LJM mengiktiraf keseluruhan faedah pelaburan sehingga 31 Disember 2021 berjumlah RM448,578 sebagai pendapatan faedah simpanan tetap bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 tanpa melaraskan pendapatan faedah yang telah diakrukan di dalam tahun kewangan sebelumnya.</p> <p>b. LJM telah mengguna pakai kadar cukai yang tidak tepat berbanding kadar yang sepatutnya, iaitu RM133,450 bagi RM600,000 terawal dan 26% ke atas baki pendapatan bercukai. Selain itu, pengiraan cukai adalah berdasarkan pendapatan faedah simpanan tetap yang telah terlebih catat sebanyak RM163,368.</p> <p>c. Kurangan peruntukan tahun sebelum yang direkodkan oleh LJM telah terlebih catat sebanyak RM8,746. Ini kerana LJM telah mencajkan lebih bayaran bagi tahun taksiran 2020 sebagai kurangan peruntukan tahun lepas. Lebih bayaran berjumlah RM8,746 masih boleh diperolehi daripada pihak LHDNM dan tidak sepatutnya dicajkan sebagai kurangan peruntukan tahun lepas.</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
		<p>d. Kesilapan dalam amaun yang dinyatakan untuk pelbagai belum terima, deposit dan pendahuluan bagi item pembayaran terdahulu. LJM tidak merekodkan baki awal tahun kewangan dan pembayaran terdahulu sebagai perbelanjaan tahun semasa berjumlah RM30,801.</p>
5.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	<p>a. Hartanah, Loji dan Peralatan</p> <p>i. LKIM mengguna pakai polisi model kos dalam perekodan Hartanah, Loji dan Peralatan. LKIM telah mengiktiraf dan merekod aset tanah bagi Wisma LKIM dan Projek Taman Pemprosesan Ikan Bersepadu Kuantan pada nilai saksama berjumlah RM162.35 juta (Kos: RM0.63 juta). Perkara ini menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan dan Lebihan Pendapatan Sebelum Cukai terlebih nyata sejumlah RM161.71 juta.</p> <p>ii. LKIM telah merekodkan aset tempat letak kereta (tidak berbumbung) pada nilai RM25.38 juta (Kos: RM13.53 juta). Termasuk dalam jumlah tersebut adalah pelarasan berjumlah RM11.86 juta berikutan penilaian semula pada tahun kewangan semasa. Bagaimanapun, pelarasan yang dibuat adalah bertentangan dengan polisi LKIM yang mengiktiraf dan merekod hartanah, loji dan peralatan menggunakan model kos. Perkara ini menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan terlebih nyata sejumlah RM11.86 juta manakala susut nilai terkumpul dan susut nilai semasa masing-masing terlebih nyata sejumlah RM12.86 juta dan RM1.02 juta.</p> <p>b. Pendahuluan Pengarah dan Peruntukan Cukai</p> <p>Sejumlah RM17.67 juta telah dibayar oleh LKIM kepada LHDNM yang merupakan tunggakan cukai sejak tahun 2015 hingga 2020. LKIM telah merekodkan pembayaran cukai sebanyak RM17.67 juta ke akaun Pendahuluan Kakitangan yang sepatutnya dikurangkan daripada akaun peruntukan cukai. Perkara ini menyebabkan akaun pendahuluan kakitangan dan peruntukan cukai terlebih nyata sejumlah RM17.67 juta.</p>
6.	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)	<p>a. Kos Inventori</p> <p>KEJORA telah mengiktiraf tambahan kos inventori menggunakan amaun penilaian semula dan menyebabkan kos inventori terlebih nyata sejumlah RM10.60 juta.</p> <p>b. Pendapatan Tertunda</p> <p>Terdapat rekod pajakan tanah daripada Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd. berjumlah RM1.58 juta dalam pendapatan tertunda. Bagaimanapun, jumlah terimaan sebenar adalah berjumlah RM100,000 sahaja. Ini menyebabkan baki akaun pendapatan tertunda terlebih nyata sejumlah RM1.48 juta.</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
		<p>c. Perbelanjaan</p> <p>i. Kesilapan merekodkan pindahan lebih geran amanah yang diarahkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk diserahkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang berjumlah RM2.09 juta yang direkodkan sebagai perbelanjaan kemudahan-kemudahan.</p> <p>ii. Kos pengambilan tanah Mukim Kahang berjumlah RM4.71 juta telah direkodkan sebagai belanja tahun semasa. Ini menyebabkan nilai tanah untuk pembangunan pada 31 Disember 2021 telah berkurang nyata.</p> <p>iii. Kesilapan merekodkan belanja susut nilai aset tanah di mana kadar susut nilai yang dikira tidak selari dengan tempoh pajakan yang sah. Oleh itu, belanja susut nilai terlebih nyata sejumlah RM1.51 juta.</p>
7.	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)	<p>a. Pendahuluan premium tanah telah berkurang nyata sejumlah RM15.87 juta. Perkara ini disebabkan terdapat bayaran premium bagi tanah yang masih dalam peringkat permohonan dan belum mendapat status pemilikan penuh tidak direkodkan oleh KESEDAR.</p> <p>b. Baki Simpanan Tetap dalam Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan pada 31 Disember 2021 tidak dapat disahkan ketepatannya kerana berbeza sejumlah RM2.45 juta dengan baki yang dinyatakan dalam surat pengesahan bank dan penyata penyesuaian.</p> <p>c. Baki Tunai di Tangan dan Tunai di Bank dalam Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan pada 31 Disember 2021 berjumlah RM68.78 juta tidak dapat disahkan ketepatannya kerana berbeza dengan baki yang dinyatakan dalam surat pengesahan bank. Perbezaan adalah berjumlah RM21.67 juta.</p> <p>d. Nilai bawaan Aset Biologiikal bagi pembangunan tanah pertanian sejumlah RM5.33 juta tidak dapat disahkan ketepatannya kerana dokumen sokongan tidak dikemukakan.</p> <p>e. Baki Geran Tertunda belum digunakan tahun terdahulu telah berkurang nyata sejumlah RM4.91 juta telah direkodkan sebagai pelarasan pada tahun semasa. Item pelarasan bagi baki Geran Tertunda belum digunakan tahun terdahulu pada tahun 2020 sejumlah RM21.78 juta tidak dapat disahkan ketepatannya kerana dokumen sokongan tidak dikemukakan. Baki akhir Geran Tertunda juga termasuk geran sejak dari tahun 2017 berjumlah RM56.28 juta yang tidak dapat disahkan ketepatannya kerana dokumen sokongan tidak dikemukakan.</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
		<p>f. Pendapatan hasil Ladang ECER (Projek Agropolitan) berjumlah RM12.20 juta, perbelanjaan wang amanah berjumlah RM4.35 juta dan pelarasan lebih terkumpul berjumlah RM1.17 juta telah di rekod sebagai baki Akaun Khas. Perkara ini menyebabkan baki Akaun Khas telah terlebih nyata berjumlah RM17.72 juta.</p> <p>g. Pelarasan bagi Lebihan Terkumpul (Lembaga dan Kumpulan) di Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti tidak dapat disahkan ketepatannya kerana dokumen sokongan tidak dikemukakan dan tiada pendedahan dalam nota kepada penyata kewangan selaras dengan MPSAS 3.</p>
8.	Lembaga Koko Malaysia (LKM)	<p>a. Geran Pembangunan berjumlah RM141.49 juta tidak disokong dengan senarai baki terperinci geran-geran pembangunan.</p> <p>b. Perbezaan baki Kumpulan Wang antara Penyata Kewangan dan Lejar Am tidak dapat dikenal pasti seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kumpulan Wang sejumlah RM13.49 juta; dan</li> <li>ii. Kumpulan Wang Pusingan Hasil LKM sejumlah RM7.18 juta.</li> </ul>
9.	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	<p>a. Pada tahun 2021, MPOB tidak membuat Peruntukan Cukai sebanyak RM12.94 juta yang terdiri daripada cukai tambahan bagi tahun taksiran 2009 hingga 2018 berjumlah RM11.89 juta dan penalti berjumlah RM1.05 juta. Perkara ini menyebabkan Peruntukan Cukai dan Belanja Cukai Pendapatan telah berkurang nyata masing-masing sejumlah RM12.94 juta.</p> <p>b. Baki Liabiliti Cukai Tertunda adalah berjumlah RM2.95 juta. MPOB tidak mengambil kira <i>Unabsorbed Capital Allowance</i> pada tahun 2021 menyebabkan Liabiliti Cukai Tertunda terlebih catat berjumlah RM2.95 juta. Di samping itu, Aset Cukai Tertunda berkurang catat sebanyak RM2.37 juta dan perbelanjaan cukai di Penyata Prestasi Kewangan terlebih catat sebanyak RM5.31 juta.</p>
10.	Lembaga Pelabuhan Kuantan (LP Kuantan)	<p>a. Perbezaan di antara baki tunai dan kesetaraan tunai pada penyata kewangan dan lejar am sejumlah RM137,718 tidak dapat disahkan kerana ketiadaan dokumen sokongan yang lengkap.</p> <p>b. Pelbagai Pemiutang sejumlah RM65,455 yang dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan tidak dapat disahkan kerana ketiadaan dokumen sokongan yang lengkap.</p> <p>c. Terdapat salah nyata berjumlah RM134,141 bagi pengiraan Gantian Cuti Rehat pada tahun semasa yang menyebabkan keuntungan tahun semasa terlebih nyata dengan amaun yang sama.</p> <p>d. Terdapat ketinggalan amaun sejumlah RM50,000 dalam penyata kewangan berbanding amaun dalam lejar am.</p>



BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
11.	Lembaga Pelabuhan Melaka (LPM)	Berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Prabayar Cukai pada tahun 2021 adalah berjumlah RM611,295 yang tiada pergerakan bagi perkara tersebut semenjak tahun 2017 dan tiada dokumen sokongan bagi mengesahkan ketetapan amaun tersebut.
12.	Majlis Perubatan Malaysia (MMC)	<p>a. Baki akaun belum bayar dan belanja perkhidmatan dan bekalan pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM1.54 juta dan RM4.64 juta. MMC telah mengiktiraf belanja perkhidmatan yang belum diterima daripada Academy of Medicine of Malaysia bagi tempoh 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2023 sejumlah RM1.08 juta. Perkara ini telah menyebabkan akaun belum bayar dan belanja perkhidmatan dan bekalan telah terlebih nyata pada jumlah yang sama. Belanja ini juga terlebih nyata berjumlah RM190,026 yang sepatutnya diiktiraf pada tahun kewangan 2020 bagi tempoh perkhidmatan 1 Oktober hingga 31 Disember 2020.</p> <p>b. Item dalam Penyata Aliran Tunai tidak dapat disahkan ketepatannya kerana terdapat perbezaan dengan Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Prestasi Kewangan seperti berikut:</p> <p>i. Pelarasan susut nilai harta modal bagi tahun 2021 dan 2020 masing-masing berjumlah RM44,412 dan RM119,578.</p> <p>ii. Pergerakan dalam dana bagi tahun 2021 dan 2020 masing-masing berjumlah RM148,407 dan RM305,903.</p> <p>iii. Pembelian hartanah, loji dan peralatan bagi tahun 2021 dan 2020 masing-masing berjumlah RM446,660 dan RM653,095 serta aset dalam pembinaan bagi tahun 2020 berjumlah RM411,862.</p> <p>c. Pergerakan dalam dana berjumlah RM148,407 tidak dapat disahkan kewajaran layanan perakaunan dan ketepatannya dalam Penyata Perubahan Ekuiti dan Nota Kepada Penyata Kewangan kerana tiada dokumen dikemukakan.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>MMC hendaklah memastikan rekod berkaitan kewangan adalah teratur dan kemas kini supaya dapat menyokong baki yang dilaporkan dalam penyata kewangan. Semua pelarasan yang dibuat hendaklah mendapat kelulusan yang sewajarnya, disokong dengan dokumen yang lengkap dan mempunyai penerangan yang jelas.</p>
13.	Perbadanan Aset Keretapi (RAC)	a. Nilai buku bersih Hartanah, Loji dan Peralatan dalam penyata kewangan pada 31 Disember 2021 berjumlah RM9.157 bilion berbeza dengan baki yang dinyatakan dalam <i>module fixed assets</i> yang berjumlah RM9.085 bilion. Perbezaan tersebut yang berjumlah RM71.69 juta tidak dapat disahkan kerana ketiadaan dokumen sokongan.

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
		<p>b. Baki tunai Bank Islam dalam penyata kewangan menunjukkan amaun defisit berjumlah RM2.46 juta berbeza dengan baki yang dinyatakan dalam surat pengesahan bank berjumlah RM7.33 juta. Perbezaan tersebut yang berjumlah RM9.79 juta tidak dapat disahkan kerana Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan.</p> <p>c. Hasil daripada jualan tanah dalam penyata kewangan pada 31 Disember 2021 telah berkurang nyata sejumlah RM109.56 juta. Perkara ini disebabkan hasil daripada jualan tanah tersebut tidak direkodkan mengikut asas akuan seperti kehendak MPSAS 9 - Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>Terdapat kelemahan dalam sistem perakaunan yang diguna pakai oleh RAC. Sistem perakaunan yang diguna pakai tidak dapat menampung operasi penyediaan penyata kewangan seperti gagal menjana Penyata Penyesuaian Bank secara bulanan dan berlaku perbezaan antara lejar am dan modul-modul yang diguna pakai.</p>
14.	Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)	<p>a. Geran pembangunan dan geran penilaian harta intelek berjumlah RM43.43 juta yang diluluskan telah digunakan sepenuhnya untuk pembangunan Sistem Pengurusan Harta Intelek. Sistem Pengurusan Harta Intelek telah siap sepenuhnya pada 3 November 2021 dan diklasifikasikan sebagai aset MyIPO. Bagaimanapun, baki geran pembangunan di penyata kewangan yang berjumlah RM36.77 juta dan baki geran penilaian harta intelek berjumlah RM0.69 juta tidak dilunaskan.</p> <p>b. Sistem Pengurusan Harta Intelek telah siap sepenuhnya pada 3 November 2021 berdasarkan sijil siap kerja yang telah ditandatangani antara MyIPO dengan vendor. Bagaimanapun, MyIPO telah mengira susut nilai penuh bagi tempoh setahun terhadap aset komputer dan perisian ini tanpa mengikut tarikh aset diserahkan, iaitu pada 3 November 2021. Belanja susut nilai berjumlah RM7.24 juta bagi Sistem Pengurusan Harta Intelek telah terlebih nyata pada tahun semasa. Selain itu, MyIPO tidak mempunyai polisi yang jelas terhadap pembelian aset tahun semasa, aset sedia ada dan pelupusan aset serta pengiraan susut nilai.</p>
15.	Perbadanan Stadium Malaysia (PSM)	<p>Penghutang Perniagaan pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM15.85 juta. Termasuk dalam amaun tersebut adalah baki akhir satu penghutang syarikat berjumlah RM3.68 juta yang tidak dapat disahkan kerana berbeza dengan pengesahan yang diterima daripada syarikat berjumlah RM0.97 juta.</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
16.	Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)	<p>BERNAMA telah melunaskan geran mengurus yang diterima bagi tahun kewangan 2021 berjumlah RM8.87 juta bagi projek pembangunan walaupun projek tersebut masih di peringkat tender. Geran yang diterima bagi tujuan pembangunan perlu di rekod sebagai geran tertunda di liabiliti semasa selaras dengan MPSAS 3 - Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>a. Penyerahan Penyata Kewangan Mengikut Akta 240</p> <p>Akta 240 menyatakan jika badan berkanun tidak dapat mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan, badan berkanun hendaklah memohon perlanjutan secara bertulis sebelum tamat had masa itu dan mendapat kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan. Perlanjutan masa yang diluluskan tidak boleh melebihi tiga bulan secara agregat bagi tiap-tiap tahun kewangan. BERNAMA telah mengemukakan penyata kewangan belum beraudit yang lengkap pada 30 September 2022.</p> <p>b. Usaha Berterusan Syarikat Subsidiari</p> <p>i. Juruaudit yang melaksanakan pengauditan penyata kewangan tahun berakhir 2021 bagi lima syarikat subsidiari secara langsung dan tidak langsung telah mengeluarkan Laporan Juruaudit dengan pendapat mengenai ketidakpastian usaha berterusan. Syarikat subsidiari terlibat adalah Bernama Berhad, Uxera Sdn. Bhd., Trips 4u Travel &amp; Tours Sdn. Bhd., Digital Media Broadcasting Services Sdn. Bhd. dan Bernama News Channel Sdn. Bhd.;</p> <p>ii. Syarikat subsidiari Uxera Sdn. Bhd. telah mencatatkan kerugian sejumlah RM3.37 juta dalam tahun 2021 yang menyebabkan liabiliti semasa lebih tinggi berbanding aset semasa. Empat syarikat subsidiari yang lain juga menunjukkan kedudukan kewangan dengan liabiliti bersih bagi tempoh lima tahun mulai tahun 2017 hingga 2021. Perkara ini menunjukkan ketidakpastian material yang menimbulkan keraguan ketara terhadap kemampuan syarikat subsidiari meneruskan usaha berterusan.</p> <p>iii. BERNAMA tidak melakukan sebarang prosedur penilaian rosot nilai terhadap pelaburan dalam syarikat subsidiari secara langsung dan tidak langsung untuk tahun kewangan 2021.</p>
17.	Yayasan Guru Tun Hussein Onn (YGTHO)/ Kumpulan Wang Simpanan	<p>a. Pelarasan yang salah terhadap pengiktirafan saham bonus Public Bank Berhad berjumlah RM63 juta yang menyebabkan akaun Pendapatan Pelaburan terkurang rekod.</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
	Guru (KWSG)	<p>b. Pelarasan yang salah terhadap pengiktirafan nilai saksama bangunan Wisma KWSG, Unit B-1-02 Puteri Shah Alam, Unit 29 &amp; 31 Suri Puteri Shah Alam berjumlah RM44.87 juta menyebabkan akaun susut nilai terlebih rekod.</p> <p>c. Amaun berbaki negatif di lejar berjumlah RM182,086 berbeza dengan amaun Penyata Penyesuaian Bank Akaun Affin Bank Berhad (Kod Akaun: 100020010572) berbaki RM243,193. Perbezaan berjumlah RM425,279.</p>
18.	Yayasan Pelajaran Persatuan Peladang dan Pertubuhan Peladang MADA (YP MADA)	<p>a. Pelaburan saham pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM503,793 (2020: RM612,215) termasuk dalam pelaburan ini adalah satu pelaburan dalam satu portfolio sebanyak 37,500 unit saham dengan nilai pasaran RM41,625. Pengesahan pihak ketiga dengan pengurus dana menunjukkan baki saham dalam portfolio tersebut pada 31 Disember 2021 berjumlah 150,000 unit dengan nilai saham RM1.11 atau RM166,500.</p> <p>b. YP MADA tidak merekodkan pertambahan saham yang diterima melalui <i>subdivision</i> pada tahun 2017 menyebabkan baki akhir unit pegangan saham dan nilai pasaran semasa sejumlah RM124,875 di Penyata Kedudukan Kewangan. Ini menyebabkan keuntungan daripada peningkatan nilai pelaburan dalam Penyata Prestasi Kewangan telah berkurang nyata sejumlah RM124,875.</p>

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2021

- iii. Trend pensijilan bagi tempoh tiga tahun untuk 18 Agensi Persekutuan yang diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Berteguran bagi tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 4.7**.

**JADUAL 4.7**  
**TREND PENSIJILAN BAGI TEMPOH TIGA TAHUN UNTUK AGENSI PERSEKUTUAN YANG DIBERIKAN PENDAPAT BERTEGURAN PADA TAHUN 2021**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENDAPAT AUDIT		
		2021	2020	2019
1.	Akademi Sains Malaysia (ASM)	Berteguran	Berteguran	Tanpa Teguran
2.	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Berteguran	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
3.	Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi (KWPPD)	Berteguran	Berteguran	Berteguran
4.	Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)	Berteguran	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
5.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	Berteguran	Tanpa Teguran	Berteguran
6.	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)	Berteguran	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
7.	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)	Berteguran	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
8.	Lembaga Koko Malaysia (LKM)	Berteguran	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
9.	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	Berteguran	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENDAPAT AUDIT		
		2021	2020	2019
10.	Lembaga Pelabuhan Kuantan (LP Kuantan)	Berteguran	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
11.	Lembaga Pelabuhan Melaka (LPM)	Berteguran	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
12.	Majlis Perubatan Malaysia (MMC)	Berteguran	Berteguran	Berteguran
13.	Perbadanan Aset Keretapi (RAC)	Berteguran	Berteguran	Tanpa Teguran
14.	Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)	Berteguran	Berteguran	Berteguran
15.	Perbadanan Stadium Malaysia (PSM)	Berteguran	Berteguran	Tanpa Teguran (Penegasan Perkara)
16.	Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)	Berteguran	Berteguran	Tanpa Teguran
17.	Yayasan Guru Tun Hussein Onn (YGTHO)/Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG)	Berteguran	Berteguran	Berteguran
18.	Yayasan Pelajaran Persatuan Peladang dan Pertubuhan Peladang MADA (YP MADA)	Berteguran	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2019 hingga 2021

## b. Pendapat Bertentangan

Pendapat Bertentangan adalah pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu atau agregat adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian. **Setakat 31 Disember 2022, tiada Agensi Persekutuan diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Bertentangan bagi tahun kewangan 2021.**

## c. Penafian Pendapat

Penafian Pendapat dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif, di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, Penafian Pendapat juga diberi apabila juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidakpastian tetapi tidak dapat memberi pendapat disebabkan oleh potensi ketidakpastian dan kesan kumulatif terhadap penyata kewangan. **Setakat 31 Disember 2022, tiada Agensi Persekutuan diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Penafian Pendapat bagi tahun kewangan 2021.**

#### 4.4. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2020

4.4.1. **Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020 mengenai Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2020 yang dibentangkan di Parlimen pada 22 Mac 2022 tidak melaporkan status tujuh Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.** Laporan tersebut hanya melaporkan 140 Penyata Kewangan yang dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara setakat 31 Disember 2021.

4.4.2. Jenis Sijil Ketua Audit Negara terhadap tujuh penyata kewangan tersebut terdiri daripada satu Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Penegasan Perkara, dua Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-hal Lain dan empat Pendapat Berteguran.

4.4.3. Butiran lanjut mengenai Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2020 dengan Pendapat Tanpa Teguran dan perenggan Penegasan Perkara serta Hal-hal Lain adalah seperti dalam **Jadual 4.8**.

**JADUAL 4.8**  
**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA TAHUN KEWANGAN 2020**  
**DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA DAN HAL-HAL LAIN**

BIL.	PERENGGAN PENEGASAN PERKARA DAN HAL-HAL LAIN
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA	
	<b>Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 11.04.2022
1.	<p>a. Berdasarkan Perjanjian Pemegang Saham yang telah ditandatangani pada 11 April 2014, LADA dikehendaki memajak tanah hak milik PT2482 kepada Integrated Nautical Resorts Sdn. Bhd. (INR) untuk tempoh 99 tahun pada kadar bayaran sejumlah RM660,000 setahun (kadar baharu yang dipersetujui adalah RM550,000). Bayaran ini tidak termasuk bayaran pajakan bagi hak milik PT1778 dan PT6396 yang akan ditentukan kemudian. Dalam tahun 2020, perjanjian pajakan tanah di antara LADA dan INR belum ditandatangani. Oleh itu, LADA tidak menerima apa-apa pulangan daripada tanah tersebut.</p> <p>b. INR merupakan syarikat bersekutu kepada International Eagle Resources Sdn. Bhd., iaitu syarikat milik penuh LADA. INR telah mendapatkan pinjaman daripada sebuah bank berjumlah RM246.54 juta. Mengikut perjanjian pinjaman yang ditandatangani pada 18 September 2014, sebaik sahaja perjanjian pajakan ditandatangani tanah tersebut dicagar kepada Bank pemberi pinjaman sebagai cagaran pinjaman. Sekiranya perjanjian pajakan diteruskan, LADA berdepan risiko kehilangan tanah tersebut kepada Bank berkenaan.</p>

BIL.	PERENGGAN PENEGASAN PERKARA DAN HAL-HAL LAIN
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN HAL-HAL LAIN	
	<p><b>Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 10.01.2022</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>1. Seksyen 9, Akta 240 menyatakan jika badan berkanun tidak dapat mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan, badan berkanun hendaklah memohon perlanjutan secara bertulis sebelum tamatnya had masa itu dan mendapat kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan. IRDA telah mengemukakan penyata kewangan belum beraudit yang lengkap pada 11 Ogos 2021. Namun, tiada permohonan perlanjutan dikemukakan kepada Menteri Kewangan untuk kelulusan.</p>
	<p><b>Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 22.04.2022</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>2. a. RISDA dan Kumpulan mempunyai struktur kumpulan yang kompleks yang terdiri daripada 12 divisyen dan 13 syarikat subsidiari bagi melaksanakan fungsinya. Struktur kumpulan secara <i>decentralised</i> hanya membuat penggabungan (<i>amalgamation</i>) sekali setahun, pada hujung tahun bagi 12 penyata kewangan divisyen dan penyatuan 13 penyata kewangan subsidiari dan bukan secara bulanan. Proses ini menyebabkan rekod kewangan antara Pihak Berkuasa dengan divisyen dan syarikat subsidiari tidak dapat disesuaikan (<i>reconciled</i>) dengan lengkap dan terdedah kepada kesilapan secara berterusan.</p> <p>b. RISDA perlu segera memuktamadkan fungsi sistem perakaunan baru dan sistem lain yang belum berintegrasi untuk menjana penyata kewangan secara elektronik. Sistem perakaunan tersebut juga hendaklah selaras dengan keperluan MFRS bagi mengurangkan pelarasan secara manual.</p>

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2020

4.4.4. Butiran lanjut mengenai Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2020 dengan Pendapat Berteguran adalah seperti dalam **Jadual 4.9**.

**JADUAL 4.9**  
**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**  
**TAHUN KEWANGAN 2020 DENGAN PENDAPAT BERTEGURAN**

BIL.	ASAS PENDAPAT
PENDAPAT BERTEGURAN	
1.	<p><b>Perbadanan Stadium Malaysia (PSM)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 11.01.2022</p> <p>a. Termasuk dalam amaun penghutang bukan perniagaan adalah sejumlah RM9.10 juta berkaitan belanja pembaikan kemudahan sedia ada di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil bagi projek kerja papan markah pada tahun 2019 yang telah tersalah rekod dalam lejar</p>

BIL.	ASAS PENDAPAT
<b>PENDAPAT BERTEGURAN</b>	
	<p>salah satu penghutang. Ini menyebabkan amaun penghutang bukan perniagaan telah terlebih nyata sejumlah RM9.10 juta. Perbelanjaan ini sepatutnya direkodkan sebagai belanja tahun terdahulu dalam item Kumpulan Wang Terkumpul.</p> <p>b. Baki akhir satu penghutang syarikat berjumlah RM4.53 juta tidak dapat disahkan kerana berbeza dengan pengesahan yang diterima daripada syarikat berjumlah RM1.87 juta.</p> <p>c. Sejumlah RM1.73 juta direkodkan dalam pelbagai belanja berkaitan Geran Pembangunan, Emolumen serta Perkhidmatan dan Bekalan telah terlebih nyata. Daripada amaun ini, sejumlah RM1.67 juta adalah pelbagai belanja berkaitan tahun terdahulu yang sepatutnya direkodkan dalam lejar Kumpulan Wang Terkumpul. Sejumlah RM59,226 pula adalah berkaitan belanja tahun 2021 yang tidak sepatutnya direkodkan dalam tahun semasa.</p>
	<p><b>Institut Sukan Negara (ISN)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 26.01.2022</p> <p>a. Geran Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara dan Geran Pembangunan Anti-Doping Malaysia berbaki debit sejak tahun 2015 masing-masing bernilai RM26.74 juta dan RM0.59 juta. Perkara ini berlaku disebabkan ia telah digunakan bagi pembayaran gaji kakitangan kontrak pada tahun 2016 hingga 2017 dan perbelanjaan lain yang telah dibuat tanpa kelulusan Kementerian Belia dan Sukan menggunakan dana geran tersebut. Selain itu, dana geran berbaki debit adalah disebabkan penggunaan dana pada tahun terdahulu telah melebihi baki dana yang telah diperuntukkan kepada ISN.</p> <p>2. b. Geran pembangunan ISN berjumlah RM11.88 juta telah digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus tanpa kelulusan Kementerian Belia dan Sukan dalam tahun kewangan 2020 dan tidak selari dengan mandat yang diterima bagi tujuan geran tersebut. Kesan daripada perbelanjaan digunakan untuk perbelanjaan mengurus, baki Tunai dan Kesetaraan Tunai yang direkodkan tidak memberi gambaran benar dan saksama berkaitan kedudukan sebenar item tunai ISN dan baki geran pembangunan. Pihak Audit mendapati baki tunai berjumlah RM19.08 juta yang direkodkan dalam penyata kewangan adalah merupakan baki geran pembangunan.</p> <p>c. Akaun Belum Bayar berjumlah RM95,833 yang direkodkan dalam Geran Pembangunan tidak dapat disahkan kerana tiada dokumen sokongan dikemukakan oleh ISN.</p>
	<p><b>Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 28.02.2022</p> <p>3. Perbelanjaan Gaji, Upahan dan Manfaat Pekerja BERNAMA pada tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah sejumlah RM72.71 juta. Termasuk dalam perbelanjaan ini adalah kos kakitangan syarikat subsidiari yang dipegang secara tidak langsung, iaitu Bernama News Channels Sdn. Bhd. sejumlah RM11.64 juta dan Digital Media Broadcasting Services Sdn. Bhd. sejumlah RM3.61 juta. Syarikat subsidiari merupakan entiti undang-undang yang berasingan dengan BERNAMA. Oleh itu, pembayaran gaji, upahan dan manfaat kakitangan perlu direkodkan di penyata kewangan syarikat. Perkara ini telah menyebabkan perbelanjaan BERNAMA terlebih nyata dan Lebihan Tahun Semasa terkurang nyata sejumlah RM15.25 juta.</p>



BIL.	ASAS PENDAPAT
<b>PENDAPAT BERTEGURAN</b>	
	<p><b>Penegasan Perkara</b></p> <p>a. Juruaudit yang melaksanakan pengauditan penyata kewangan syarikat subsidiari BERNAMA secara langsung dan tidak langsung telah mengeluarkan Laporan Juruaudit dengan pendapat mengenai ketidakpastian usaha berterusan. Syarikat subsidiari terlibat adalah Bernama Berhad, Trips 4u Travel &amp; Tours Sdn. Bhd., Digital Media Broadcasting Services Sdn. Bhd. dan Bernama News Channel Sdn. Bhd.</p> <p>b. Keempat-empat syarikat subsidiari tersebut telah menunjukkan kedudukan kewangan liabiliti bersih bagi tempoh empat tahun berterusan mulai tahun 2017 hingga 2020. Perkara ini menunjukkan ketidakpastian material yang menimbulkan keraguan ketara terhadap kemampuan syarikat subsidiari sebagai usaha berterusan.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>BERNAMA telah menerima pakai MPSAS mulai 1 Januari 2020 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2019. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Anggota Lembaga Pengelola terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan BERNAMA dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Antara Bajet dan Sebenar BERNAMA dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2019 dan pendedahan berkaitan.</p>
<b>PENDAPAT BERTEGURAN DENGAN PERENGGAN PERKARA UTAMA AUDIT</b>	
4.	<p><b>Agensi Inovasi Malaysia (AIM)</b> Tarikh Sijil Ditandatangani: 23.05.2022</p> <p>AIM telah memindahkan lebih tunai baki geran pembangunan sejumlah RM3.85 juta kepada Yayasan Genovasi. Pindahan tersebut direkodkan sebagai pelunasan hasil geran dan perbelanjaan geran yang diterima. Pengolahan perakaunan ini tidak mematuhi MPERS Seksyen 24.4(b) memandangkan tiada program/aktiviti pembangunan sebenar yang dilaksanakan mengikut tujuan geran pembangunan disalurkan.</p> <p><b>Perkara Utama Audit</b></p> <p>a. MoF sebagai Kementerian yang mengambil alih bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan AIM dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan MPERS dan keperluan Akta Agensi Inovasi Malaysia 2010 [<i>Akta 718</i>]. MoF sebagai Kementerian yang mengambil alih juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan AIM dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.</p> <p>b. Semasa penyediaan Penyata Kewangan AIM dan Kumpulan, MoF sebagai Kementerian yang mengambil alih bertanggungjawab untuk menilai keupayaan AIM dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.</p>

BIL.	ASAS PENDAPAT
<b>PENDAPAT BERTEGURAN</b>	
<p><b>Penegasan Perkara</b></p> <p>a. Berdasarkan Seksyen 46, Akta 718, apabila tamatnya tempoh Akta 718, semua hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang berpunca daripada, diperoleh, dilakukan, atau terletak hak di bawah Akta ini oleh atau pada AIM hendaklah terletak hak pada MoF. Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1998, Garis Panduan Pembubaran Badan-badan Berkanun Persekutuan menyatakan pengambilalihan aset agensi perlu dijalankan mengikut arahan pembubaran.</p> <p>b. Empat entiti yang ditubuhkan di bawah AIM, iaitu Innocorp Ventures Sdn. Bhd., Platcom Ventures Sdn. Bhd., Yayasan Genovasi dan Yayasan Steinbeis telah dipindah milik kepada MoF.</p> <p>c. Aset tunai dan kesetaraan tunai masih berbaki pada 31 Disember 2020 (tarikh pembubaran) adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sehingga 31 Disember 2020, AIM telah memindahkan baki tunai mengurus sejumlah RM427,220 kepada Yayasan Genovasi dan sejumlah RM214,944 telah dipindahkan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).</li> <li>ii. Merujuk kepada Penyata Aliran Tunai, kedudukan tunai dan kesetaraan tunai Kumpulan pada 31 Disember 2020 adalah RM46.73 juta. Daripada jumlah tersebut, RM40.03 juta diakaunkan di Innocorp Ventures Sdn. Bhd. dan RM6.70 juta di Platcom Ventures Sdn. Bhd. Selain itu, terdapat juga tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM10.99 juta masing-masing RM7.32 juta di Yayasan Genovasi dan RM3.67 juta di Yayasan Steinbeis. Bagaimanapun, penyata kewangan bagi Yayasan Genovasi dan Yayasan Steinbeis tidak disatukan di bawah Penyata Kewangan Kumpulan.</li> <li>iii. AIM telah menyalurkan geran pembangunan Kerajaan sejumlah RM349.65 juta kepada syarikat subsidiari, iaitu Innocorp Ventures Sdn. Bhd. bagi tujuan pelaburan ekuiti. Setakat 31 Disember 2020, Innocorp Ventures Sdn. Bhd. telah membuat pelaburan berjumlah RM309.59 juta. Daripada jumlah pelaburan tersebut, sejumlah RM6.75 juta telah dihapus kira dan RM105.04 juta telah dibuat elaun rosot nilai. Baki pelaburan pada 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM197.80 juta dan baki tunai adalah RM40.03 juta.</li> </ul> <p>d. Pihak Audit tidak dapat memastikan tunai dan kesetaraan tunai di atas yang diperolehi daripada geran pembangunan AIM dilunaskan sewajarnya berdasarkan objektif asal pemberian geran.</p> <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p>Seksyen 9, Akta 240 menyatakan jika badan berkanun tidak dapat mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan, badan berkanun hendaklah memohon perlanjutan secara bertulis sebelum tamat had masa itu dan mendapat</p>	

BIL.	ASAS PENDAPAT
	<b>PENDAPAT BERTEGURAN</b>
	kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan. Perlanjutan masa yang diluluskan tidak boleh melebihi tiga bulan secara agregat bagi tiap-tiap tahun kewangan. AIM telah mengemukakan penyata kewangan belum beraudit yang lengkap pada 14 Disember 2021, iaitu selepas sembilan bulan berakhirnya tahun kewangan. Perkara ini tidak menepati kehendak Akta 240.

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2020

## 5. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN DI PARLIMEN

5.1. Mengikut Seksyen 7 Akta 240, setiap Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan bersama Laporan Aktiviti kepada Menteri dalam tempoh satu bulan selepas menerima penyata kewangan yang telah diaudit. Menteri kemudiannya dikehendaki membentangkan penyata tersebut di Parlimen dengan segera.

5.2. **Sepanjang tahun 2022, hanya satu Agensi Persekutuan telah membentangkan penyata kewangan tahun 2021 di Parlimen.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5.1**.

**JADUAL 5.1**  
**PENYATA KEWANGAN TAHUN 2021 YANG TELAH DIBENTANGKAN DI PARLIMEN**

AGENSI PERSEKUTUAN	TARIKH PEMBENTANGAN	
	DEWAN RAKYAT	DEWAN NEGARA
Bank Negara Malaysia (BNM)	25.07.2022	08.08.2022

Sumber: Laman Sesawang Parlimen Malaysia

## 6. ANALISIS PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN

### 6.1. Lebihan atau Kurangan Terkumpul

6.1.1. MFRS 101 dan MPSAS 1 - Pembentangan Penyata Kewangan menetapkan semua item hasil dan belanja yang diiktiraf dalam sesuatu tempoh hendaklah dimasukkan ke dalam lebihan atau kurangan, melainkan piawaian perakaunan tersebut menghendaki sebaliknya. Seksyen 2 MPERS - Konsep dan Prinsip Pervasif menetapkan lebihan atau kurangan adalah perbezaan antara hasil dan perbelanjaan.

6.1.2. Berdasarkan lebihan atau kurangan terkumpul bagi 123 penyata kewangan Agensi Persekutuan yang diberi sijil dengan Pendapat Tanpa Teguran bagi tahun berakhir 2021, sebanyak 117 Agensi Persekutuan merekodkan lebihan terkumpul pada tahun 2021 berjumlah RM252.464 bilion berbanding tahun 2020 berjumlah RM231.075 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM21.389 bilion. Sebaliknya, hanya

enam Agensi Persekutuan pula merekodkan kurangan terkumpul berjumlah RM639.81 juta pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 berjumlah RM1.067 bilion, iaitu penurunan RM427.19 juta. Perbandingan lebih atau kurangan terkumpul pada tahun 2021 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 6.1**.

**JADUAL 6.1**  
**LEBIH/KURANGAN TERKUMPUL**  
**AGENSI PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2021 BERBANDING 2020**


BUTIRAN	TAHUN 2021*		TAHUN 2020		PERUBAHAN	
	BIL. AGENSI	JUMLAH (RM Juta)	BIL. AGENSI	JUMLAH (RM Juta)	RM JUTA	%
Lebihan Terkumpul	117	252,463.51	116	231,074.77	21,388.74	9.3
Kurangan Terkumpul	6	(639.81)	6	(1,067.00)	(427.19)	(40.0)

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi Tahun 2021

Nota: \*Semua Penyata Kewangan adalah bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 kecuali bagi Penyata Kewangan MIA yang berakhir pada 30 Jun 2022

6.1.3. Lima Agensi Persekutuan yang merekodkan lebihan terkumpul tertinggi pada tahun berakhir 2021 adalah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), BNM dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (BANK RAKYAT). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 6.1**.

**CARTA 6.1**  
**LEBIHAN TERKUMPUL AGENSI PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2021**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi Tahun 2021


a. Lebihan terkumpul KWAP pada tahun 2021 berjumlah RM92.484 bilion meningkat berbanding RM82.492 bilion pada tahun 2020. Ini disebabkan oleh peningkatan keuntungan tidak nyata bersih daripada aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi berjumlah RM2.410 bilion. Selain itu, lebihan terkumpul juga disebabkan oleh pengurangan kos urus niaga berjumlah RM33.97 juta dan

pengurangan peruntukan bagi kerugian rosot nilai aset bukan kewangan berjumlah RM165.39 juta.

- b. Pada tahun 2021, lebih terkumpul KWSP telah mencatatkan peningkatan sebanyak 25.4% atau RM3.977 bilion berdasarkan keuntungan bersih dalam jumlah pendapatan komprehensif berjumlah RM60.962 bilion berbanding tahun 2020 berjumlah RM55.258 bilion disebabkan oleh polisi turun nilai kos atas ekuiti tersenarai.
- c. LPPSA mencatatkan lebih terkumpul berjumlah RM14.245 bilion pada tahun 2021 berbanding RM11.756 bilion pada tahun 2020. Peningkatan sejumlah RM2.489 bilion atau 21.2% adalah disebabkan oleh peningkatan dalam bilangan akaun peminjam LPPSA yang aktif. Oleh itu, hasil pembiayaan perumahan LPPSA meningkat sejumlah RM3.482 bilion pada tahun 2021 berbanding RM3.164 bilion pada tahun 2020.
- d. Lebih terkumpul BNM tahun 2021 adalah berjumlah RM12.796 bilion berbanding RM10.235 bilion pada tahun 2020, iaitu peningkatan sejumlah RM2.561 bilion atau 25%. Peningkatan ini didorong oleh keuntungan yang direalisasikan daripada pelaburan di ekuiti dan sekuriti berjumlah RM6.130 bilion. Selain itu, lebih terkumpul juga disebabkan oleh pengurangan perbelanjaan berjumlah RM1.178 bilion dan pengurangan kos dasar monetari berjumlah RM2.066 bilion.
- e. Lebih terkumpul BANK RAKYAT pada tahun 2021 adalah berjumlah RM10.374 bilion berbanding RM9.430 bilion pada tahun 2020, iaitu peningkatan sejumlah RM0.944 bilion atau 10%. Antara faktor peningkatan ini adalah disebabkan oleh pengurangan pendapatan yang diagihkan kepada pendeposit sejumlah RM1.980 bilion pada tahun 2021 berbanding RM2.524 bilion pada tahun 2020.

6.1.4. Lima Agensi Persekutuan yang merekodkan kurangan terkumpul tertinggi pada tahun berakhir 2021 adalah Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM), Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCORP) dan Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 6.2**.

**CARTA 6.2**  
**KURANGAN TERKUMPUL AGENSI PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2021**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi Tahun 2021

- LLM mencatatkan kurangan terkumpul berjumlah RM371.90 juta pada tahun 2021 berbanding RM365.71 juta pada tahun 2020, iaitu peningkatan sejumlah RM6.19 juta atau 1.7%. Penurunan ini adalah disebabkan oleh penurunan keuntungan simpanan tetap sebanyak RM9.94 juta berikutan pencairan sebahagian simpanan tetap berjumlah RM295 juta. Selain itu, hasil LLM daripada paparan iklan juga telah menurun sebanyak RM3.66 juta disebabkan kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2021.
- Kurangan terkumpul PR1MA pada tahun 2021 adalah berjumlah RM231.14 juta berbanding RM606.60 juta pada tahun 2020, iaitu penurunan sejumlah RM375.46 juta atau 61.9%. Ini disebabkan oleh peningkatan hasil yang ketara pada tahun 2021, iaitu pelarasan pendapatan tertunda PR1MA berjumlah RM1.098 bilion berbanding RM0.417 bilion pada tahun 2020.
- Kurangan terkumpul PERHEBAT pada tahun 2021 adalah berjumlah RM19.10 juta berbanding RM25.81 juta pada tahun 2020, iaitu penurunan sejumlah RM6.71 juta atau 26.0%. Ini adalah disebabkan pelunasan geran Program Reskilling dan Upskilling Veteran ATM (PRUV-ATM) berjumlah RM18.77 juta pada tahun 2021.
- SWCORP mencatatkan kurangan terkumpul berjumlah RM14.35 juta pada tahun 2021 berbanding lebih terkumpul berjumlah RM53.80 juta pada tahun 2020, iaitu penurunan sejumlah RM68.15 juta atau 126.7%. Ini disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan Perkhidmatan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam berjumlah RM1.907 bilion.


- e. Kurangan terkumpul PPGS pada tahun 2021 adalah berjumlah RM2.83 juta berbanding RM1.72 juta pada tahun 2020, iaitu penurunan sejumlah RM1.11 juta atau 64.5%. Perkara ini disebabkan oleh susut nilai tanah pajakan sejumlah RM2.33 juta melebihi jumlah pendapatan sejumlah RM1.46 juta.

**Pendapat Audit** | **Agensi Persekutuan yang mencatatkan lebih terkumpul tertinggi menjana pendapatan dalaman dan tidak bergantung kepada geran Kerajaan. Bagaimanapun, Agensi Persekutuan yang mengalami kurangan terkumpul perlu menyediakan langkah mitigasi bagi memacu momentum pertumbuhan yang positif terhadap prestasi kewangan.**

## 6.2. Kebergantungan Agensi Persekutuan Kepada Pinjaman

6.2.1. Kedudukan aset tahun 2021 bagi 123 penyata kewangan Agensi Persekutuan yang diberi sijil dengan Pendapat Tanpa Teguran berjumlah RM2,360.826 bilion telah mencatat peningkatan sejumlah RM111.147 bilion atau 4.9% berbanding tahun 2020 berjumlah RM2,249.679 bilion. Kedudukan liabiliti tahun 2021 bagi 123 Agensi Persekutuan berjumlah RM774.807 bilion telah menunjukkan peningkatan RM84.111 bilion atau 12.2% berbanding tahun 2020 berjumlah RM690.696 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 6.3**.

**CARTA 6.3**  
**KEDUDUKAN ASET DAN LIABILITI**  
**AGENSI PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2021 DAN 2020**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi Tahun 2021

6.2.2. Peningkatan liabiliti antaranya disebabkan oleh peningkatan dalam baki pinjaman. Pada tahun 2021, baki pinjaman bagi 17 Agensi Persekutuan adalah

RM119.148 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM8.200 bilion atau 7.4% berbanding RM110.948 bilion pada tahun 2020.

6.2.3. Nisbah pinjaman berbanding jumlah aset bertujuan untuk mengukur kemampuan Agensi Persekutuan memenuhi obligasi pinjaman jangka pendek dan jangka panjang. Pada umumnya, nisbah pinjaman yang rendah menggambarkan ketidakbergantungan kepada pinjaman bagi menjalankan operasi.

6.2.4. **Lima Agensi Persekutuan yang diberikan sijil dengan Pendapat Tanpa Teguran telah merekodkan baki pinjaman tertinggi pada tahun 2021 berjumlah RM116.273 bilion berbanding RM107.928 bilion pada tahun 2020.** Agensi Persekutuan berkenaan adalah LPPSA, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), PR1MA dan Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK). Tempoh bayaran balik pinjaman berkenaan ialah tiga hingga 30 tahun bagi LPPSA; enam bulan hingga 25 tahun bagi PTPTN; lima hingga 15 tahun bagi FELDA; lima hingga 20 tahun bagi PR1MA dan 29 tahun bagi LPK. Pinjaman ini sebahagiannya dijamin oleh Kerajaan dan keseluruhannya telah dibenarkan oleh Akta Tubuh masing-masing.

6.2.5. Analisis Audit menunjukkan **lima Agensi Persekutuan tersebut mencatatkan nisbah pinjaman antara 0.49 hingga 0.88.** Bagaimanapun, nisbah hutang LPK yang tinggi pada 0.88 menunjukkan aset LPK dibiayai oleh liabiliti. Kemampuan LPK memenuhi obligasi kewangannya bergantung kepada pihak pengurusan serta dasar dan sokongan Kerajaan untuk menjana aliran tunai pada masa hadapan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.2.**

**JADUAL 6.2**  
**NISBAH HUTANG LIMA AGENSI PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2021**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PINJAMAN (RM Juta) (a)	ASET (RM Juta) (b)	NISBAH PINJAMAN (c) = (a) : (b)
1.	Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK)	3,547.47	4,032.81	0.88 : 1
2.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	40,000.00	59,175.82	0.68 : 1
3.	Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)	4,541.78	6,910.68	0.66 : 1
4.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	59,374.97	104,714.88	0.57 : 1
5.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	8,808.93	18,150.58	0.49 : 1

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi Tahun 2021

6.2.6. Perincian pinjaman yang diambil oleh kelima-lima Agensi Persekutuan berkenaan adalah seperti berikut:



- a. LPK telah mengambil pinjaman RM3.810 bilion dengan MoF bagi tujuan pembangunan projek Port Klang Free Zone. Pinjaman ini dikenakan faedah 4% setahun berserta 2% penalti setahun ke atas baki tertunggak. Tanah pajakan dan bangunan dijadikan cagaran terhadap pinjaman tersebut.
- b. PTPTN mengambil pinjaman dengan institusi kewangan sejumlah RM16.900 bilion dan melaksanakan penerbitan program sukuk berjaminan sejumlah RM23.100 bilion. Keseluruhan dana ini digunakan bagi memenuhi keperluan pembiayaan pengajian pelajar Institut Pengajian Tinggi. Pinjaman dan sukuk PTPTN tersebut tidak bercagar dan dijamin tanpa syarat oleh Kerajaan.
- c. PR1MA mempunyai program nota kewangan Islam berjangka sederhana (program sukuk) berjumlah sehingga RM5 bilion pada jumlah nominal. PR1MA turut mempunyai program kredit pusingan berjumlah sehingga RM2.500 bilion. Program sukuk dan kredit pusingan tidak boleh dibatalkan dan dijamin tanpa syarat oleh Kerajaan. Tujuan penyertaan program sukuk dan pusingan kredit antara lainnya termasuklah untuk membiayai sebarang perbelanjaan berkaitan projek perumahan PR1MA; membiayai semua kos pembinaan dan bayaran progresif kepada kontraktor termasuk perolehan tanah; membiayai sebarang caj kewangan; dan pembayaran yuran Jaminan Kerajaan. Kadar agihan keuntungan sukuk adalah antara 2.38% hingga 4.34% dan kadar keuntungan siling pusingan kredit adalah 10.75%.
- d. LPPSA mengambil pinjaman berjangka tidak bercagar daripada Kerajaan yang dikenakan faedah/keuntungan pada kadar antara 3.69% hingga 4.87% setahun. Dalam tahun 2021, LPPSA turut menerbitkan Nota Jangka Sederhana Islamik (program sukuk) bernilai RM8 bilion yang merupakan sebahagian daripada program LPPSA bernilai RM50 bilion. Keseluruhan program sukuk ini dijamin oleh Kerajaan. Pinjaman dan sukuk LPPSA bertujuan untuk menyediakan pembiayaan perumahan kepada penjawat awam.
- e. FELDA mengambil pinjaman dan pembiayaan daripada Kerajaan Malaysia, KWSP, Maybank Islamic Berhad dan Sukuk. Pinjaman dan pembiayaan ini dikenakan kadar faedah efektif tahunan dalam lingkungan 1.25% hingga 4.77%. Pinjaman FELDA adalah tidak bercagar yang sebahagiannya disalurkan kepada syarikat subsidiari, iaitu Felda Global Ventures Holdings Berhad. Pembiayaan FELDA pula dijamin dengan aset dan saham tersiar harga milik FELDA.

**Pendapat Audit** | Nisbah pinjaman Agensi Persekutuan berada pada tahap yang memuaskan dan menunjukkan Agensi Persekutuan tidak bergantung kepada pinjaman secara maksimum untuk kelangsungan operasi. Bagaimanapun, Agensi Persekutuan hendaklah menambah baik aliran tunai bagi mengelakkan kebergantungan tinggi ke atas modal hutang dan risiko peningkatan liabiliti.

### 6.3. Terimaan Tidak Dikenal Pasti

6.3.1. Terimaan tidak dikenal pasti merupakan wang yang diterima dan dinyatakan dalam penyata bank tetapi masih belum direkodkan dalam buku tunai. Amaun ini akan ditunjukkan sebagai *unreconciled items* dalam penyata penyesuaian bank.

6.3.2. Analisis Audit mendapati 12 daripada 123 Agensi Persekutuan merekodkan terimaan tidak dikenal pasti berjumlah RM16.88 juta yang dinyatakan sebagai liabiliti di Penyata Kedudukan Kewangan tahun 2021. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.3**.

**JADUAL 6.3**  
**TERIMAAN TIDAK DIKENAL PASTI PADA TAHUN 2021**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	TAHUN 2021	TAHUN 2020	PERUBAHAN	
		RM	RM	RM	%
1.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	10,187,833	18,183,642	(7,995,809)	(44.0)
2.	Universiti Utara Malaysia (UUM)	2,597,325	1,705,050	892,275	52.3
3.	Universiti Teknologi MARA (UITM)	2,206,374	9,283,880	(7,077,506)	(76.2)
4.	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	915,980	670,332	245,648	36.6
5.	Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	361,358	279,273	82,085	29.4
6.	Suruhanjaya Tenaga (ST)	263,557	268,285	(4,728)	(1.8)
7.	Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM)	170,649	341,315	(170,666)	(50.0)
8.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	105,919	178,852	(72,933)	(40.8)
9.	Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK)	56,632	155,058	(98,426)	(63.5)
10.	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (BANK RAKYAT)	7,000	89,000	(82,000)	(92.1)
11.	Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)	1,862	10,787	(8,925)	(82.7)
12.	Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR)	1,700	1,300	400	30.8
<b>JUMLAH</b>		<b>16,876,189</b>	<b>31,166,774</b>	<b>(14,290,585)</b>	<b>(45.9)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi Tahun 2021

6.3.3. Lima Agensi Persekutuan telah merekodkan baki terimaan tidak dikenal pasti pada tahun 2021 yang tertinggi, iaitu LPPSA, UUM, UiTM, CIDB dan MQA. Perincian terimaan tidak dikenal pasti oleh kelima-lima Agensi Persekutuan berkenaan adalah seperti berikut:

**a. Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam**

Terimaan tidak dikenal pasti LPPSA adalah merupakan pembiayaan perumahan terakru berjumlah RM10.19 juta pada tahun 2021. Terimaan tidak dikenal pasti ini telah menurun sejumlah RM8 juta atau 44.0% berbanding RM18.18 juta pada tahun 2020. Terimaan tidak dikenal pasti tersebut disebabkan bayaran yang diterima dalam akaun tanpa maklumat pembayar dan peminjam yang betul dan lengkap. Selain itu, terimaan tidak dikenal pasti tersebut juga disebabkan bayaran balik bagi transaksi pindahan dana secara elektronik dan cek untuk tujuan pinjaman yang ditolak dan bayaran balik lebih kepada peminjam untuk akaun yang telah ditutup. Sehubungan itu, bayaran ini tidak dapat diproses ke akaun pembayar atau peminjam dan direkodkan dalam akaun pelbagai pemiutang.

**b. Universiti Utara Malaysia**

Terimaan tidak dikenal pasti pada tahun 2021 berjumlah RM2.60 juta antaranya melibatkan yuran pelajar, bayaran seminar dan aktiviti pelajar pada tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya. Terimaan tidak dikenal pasti ini telah meningkat sejumlah RM0.89 juta atau 52.05% berbanding RM1.71 juta pada tahun 2020. Perkara ini berlaku kerana tiada butiran terperinci mengenai bayaran yang diterima melalui mesin deposit tunai.

**c. Universiti Teknologi MARA**

Termasuk dalam liabiliti lain adalah berkaitan dengan terimaan tidak dikenal pasti berjumlah RM2.21 juta pada tahun 2021. Terimaan tidak dikenal pasti ini telah menurun sejumlah RM7.07 juta atau 76.2% berbanding RM9.28 juta pada tahun 2020. Terimaan tidak dikenal pasti antaranya disebabkan oleh tiada pemakluman daripada pihak pembayar; keterangan pada butiran transaksi General Interbank Recurring Order (GIRO) tidak dinyatakan secara jelas; dan tiada butiran terperinci bagi terimaan melalui mesin deposit tunai.

#### d. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Pada tahun 2021, terimaan tidak dikenal pasti CIDB berjumlah RM0.92 juta telah meningkat sejumlah RM245,648 atau 36.6% berbanding RM0.67 juta pada tahun 2020. Terimaan tidak dikenal pasti adalah disebabkan oleh pihak pemiutang yang tidak dapat dihubungi atau tiada maklum balas diterima.

#### e. Agensi Kelayakan Malaysia

Pada tahun 2021, terimaan tidak dikenal pasti MQA berjumlah RM361,358 telah meningkat sejumlah RM82,085 atau 29.4% berbanding RM279,273 pada tahun 2020. Terimaan tidak dikenal pasti adalah berpunca daripada penggunaan kaedah pembayaran secara atas talian dan kaedah bayaran menerusi aplikasi JomPay. Pembayar tidak memaklumkan butiran pembayaran yang telah didepositkan ke akaun MQA menyebabkan MQA tidak dapat mengenal pasti pembayar dan jenis bayaran tersebut.

**Pendapat Audit** | Terimaan tidak dikenal pasti yang masih belum diselesaikan dan dilaraskan ke akaun yang sepatutnya boleh menjejaskan ketepatan penyata kewangan.

### 6.4. Prestasi Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari

6.4.1. Pada tahun 2021, sebanyak 55 daripada 123 penyata kewangan Agensi Persekutuan yang diberi sijil dengan Pendapat Tanpa Teguran mempunyai pelaburan dalam 234 syarikat subsidiari berjumlah RM52.244 bilion berbanding 193 syarikat subsidiari berjumlah RM45.092 bilion pada tahun 2020. Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 198 syarikat subsidiari Agensi Persekutuan berstatus aktif, 33 dorman dan tiga telah dibubarkan. Bilangan syarikat subsidiari adalah seperti dalam **Jadual 6.4**.

**JADUAL 6.4**  
**STATUS SYARIKAT SUBSIDIARI DI BAWAH**  
**AGENSI PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2021 DAN 2020**

BIL.	STATUS	BILANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI	
		TAHUN 2021	TAHUN 2020*
1.	Aktif	198	163
2.	Dorman	33	29
3.	Bubar	3	1
<b>JUMLAH</b>		<b>234</b>	<b>193</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi Tahun 2021

Nota: \*Merujuk kepada Penyata Kewangan Agensi yang diberi Sijil dengan Pendapat Tanpa Teguran

6.4.2. Sebanyak lima Agensi Persekutuan iaitu KWSP, KWAP, LTAT, FELDA dan LTH mempunyai pelaburan bersih dalam syarikat subsidiari melebihi RM1 bilion pada tahun 2021. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.5**.

**JADUAL 6.5**  
**LIMA AGENSI PERSEKUTUAN YANG MEMPUNYAI PELABURAN**  
**BERSIH TERTINGGI DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI PADA TAHUN 2021**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	TAHUN 2021 (RM Bilion)
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	33.497
2.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	6.446
3.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	5.151
4.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	3.456
5.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	2.350

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi Tahun 2021

6.4.3. Dalam tahun 2021, terdapat 15 syarikat subsidiari baharu merangkumi 10 syarikat subsidiari milikan KWSP, empat syarikat subsidiari milikan KWAP dan satu syarikat subsidiari milikan LTAT. Selain itu, terdapat dua syarikat subsidiari di bawah KWSP dan satu syarikat subsidiari di bawah PERHEBAT telah dibubarkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.6**.

**JADUAL 6.6**  
**SYARIKAT SUBSIDIARI BAHARU DAN BUBAR PADA TAHUN 2021**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	SYARIKAT SUBSIDIARI	CATATAN
<b>BAHARU</b>			
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	CENGAL Private Equity Investments IV Partnership Limited Company (PLC)	Diperbadankan pada 7 April 2021 dengan liabiliti terhad di bawah undang-undang Ireland sebagai syarikat pelaburan tertutup dengan modal berubah. Syarikat telah diberi kuasa oleh Bank Pusat Ireland pada tarikh pelancaran menurut peruntukan Bahagian 24 Akta Syarikat 2014.
		Meranti Fund III Limited Partnership (L.P.)	Diwujudkan sebagai perkongsian terhad Kepulauan Cayman pada 28 Mei 2021. Objektif perkongsian adalah untuk menyediakan pelabur dengan pulangan jangka panjang melalui pelaburan dalam perkongsian terhad yang membuat pelaburan ekuiti persendirian dan melabur secara langsung.
		Nour Fund I Limited Partnership (L.P.)	Diwujudkan sebagai syarikat perkongsian terhad Kepulauan Cayman pada

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	SYARIKAT SUBSIDIARI	CATATAN
			7 Disember 2020. Objektif perkongsian adalah untuk menyediakan pelabur dengan pulangan jangka panjang terutamanya dengan melabur secara langsung, termasuk melalui entiti pegangan perantaraan, dalam pelaburan ekuiti persendirian yang mematuhi Garis Panduan Syariah.
		Salam Private Opportunities Feeder Fund, Limited Partnership (L.P.)	Ditubuhkan pada 8 Disember 2020 sebagai syarikat perkongsian terhad Kepulauan Cayman yang dikecualikan. Dana ini ditubuhkan untuk bertindak sebagai rakan kongsi terhad <i>feeder</i> dan melabur dalam Salam Private Opportunities Fund, L.P (Dana Induk). Dana ini adalah perkongsian terhad tertutup dan membuat pelaburannya melalui sumbangan modal ke dalam Dana Induk, yang seterusnya memegang pelaburan secara langsung atau tidak langsung, melalui sumbangan modal kepada dana ekuiti persendirian lain dan melalui pegangan langsung instrumen ekuiti.
		Ameen Direct Equity I, Limited Partnership (L.P.)	Ditubuhkan pada 12 November 2020 untuk memasuki siri pengaturan pembiayaan patuh Syariah, Ameen Direct Equity Investment Limited yang selepas itu hendaklah melabur secara bebas (sama ada secara langsung atau tidak langsung) ke dalam pelaburan ekuiti persendirian.
		Akasia I, Limited Partnership (L.P.)	Ditubuhkan pada 30 April 2021 sebagai perkongsian terhad Kepulauan Cayman yang dikecualikan. Objektif perkongsian adalah untuk menjana pulangan terlaras risiko yang unggul dengan melabur dalam pelbagai portfolio dana ekuiti persendirian dan pelaburan bersama.
		Cendana I, L.P.	Dibentuk untuk mengenal pasti, memperoleh, memegang, mengurus dan melupuskan pelaburan, termasuk pelaburan dalam perkongsian terhad,

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	SYARIKAT SUBSIDIARI	CATATAN
			melalui urus niaga primer dan sekunder, dan urus niaga pelaburan bersama.
		Qamar Direct Infrastructure I, L.P.	Ditubuhkan pada 5 Oktober 2021 sebagai Tabung Pemegang Pelaburan Syariah untuk melabur di dalam aset infrastruktur di peringkat global (Amerika Syarikat, Eropah dan Asia).
		Equitix Najm L.P.	Ditubuhkan pada 18 Mac 2021 sebagai perkongsian terhad dana persendirian di England dan Wales. Ia adalah Tabung Pemegang Pelaburan Syariah yang melabur di dalam aset infrastruktur di peringkat global (Amerika Syarikat, Eropah dan Asia).
		GIP Ashshams, L.P.	Ditubuhkan pada 8 Disember 2021 sebagai perkongsian terhad Kepulauan Cayman yang dikecualikan cukai. Ia adalah Tabung Pemegang Pelaburan Syariah yang melabur di dalam aset infrastruktur di peringkat global (Amerika Syarikat, Eropah dan Asia).
2.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	Prima Harta U (Jersey) Limited	Aktiviti utama syarikat adalah untuk memegang kepentingan minoriti dalam entiti kumpulan untuk membolehkan struktur secara keseluruhannya dianggap sebagai Skim Pelaburan Kolektif.
		Prima Harta 4 U (Jersey) Limited	Aktiviti utama syarikat adalah untuk memegang kepentingan minoriti dalam entiti kumpulan untuk membolehkan struktur secara keseluruhannya dianggap sebagai Skim Pelaburan Kolektif.
		Prima Harta 6 (Jersey) Unit Trust	Objektif utama syarikat adalah untuk memperoleh dan memegang kepentingan tidak langsung dalam hartanah pelaburan, dengan tujuan untuk memaksimumkan pendapatan dan pulangan modal kepada pemegang unit.
		Prima Harta 6 (Jersey) Limited	Aktiviti utama syarikat adalah untuk memegang kepentingan minoriti dalam entiti kumpulan untuk membolehkan struktur secara keseluruhannya dianggap sebagai Skim Pelaburan Kolektif.

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	SYARIKAT SUBSIDIARI	CATATAN
3.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	Pembinaan Perwira Harta Sdn. Bhd.	Aktiviti utama syarikat adalah terlibat dalam pembinaan dan pembangunan hartanah.
<b>BUBAR</b>			
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Kwasa Suria Sdn. Bhd.	Tiada keperluan digunakan untuk pelaburan baharu.
		Melati Infrastruktur Sdn. Bhd.	Tiada keperluan digunakan untuk pelaburan baharu.
2.	Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM)	Pembinaan Perwira Harta Sdn. Bhd.	Syarikat subsidiari telah dipindah milik kepada LTAT berkuat kuasa pada 29 Disember 2021.

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari Agensi Persekutuan bagi Tahun 2021

6.4.4. Analisis Audit mengenai keuntungan dan kerugian selepas cukai dibuat terhadap syarikat subsidiari di bawah 55 Agensi Persekutuan. Pada tahun 2021, sebanyak 133 syarikat subsidiari di bawah 40 Agensi Persekutuan mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM8.527 bilion berbanding 105 syarikat subsidiari di bawah 37 Agensi Persekutuan berjumlah RM4.069 bilion pada tahun 2020. Pada tahun 2021 juga, sebanyak 86 syarikat subsidiari di bawah 27 Agensi Persekutuan mengalami kerugian selepas cukai berjumlah RM1.061 bilion berbanding 76 syarikat subsidiari di bawah 27 Agensi Persekutuan berjumlah RM1.696 bilion pada tahun 2020. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.7**.

**JADUAL 6.7**  
**KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN SELEPAS CUKAI**  
**SYARIKAT SUBSIDIARI PADA TAHUN 2021 DAN 2020**

BIL.	TAHUN	KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI			KERUGIAN SELEPAS CUKAI		
		BIL. AGENSI PERSEKUTUAN	BIL. SYARIKAT SUBSIDIARI	JUMLAH (RM Bilion)	BIL. AGENSI PERSEKUTUAN	BIL. SYARIKAT SUBSIDIARI	JUMLAH (RM Bilion)
1.	2021	40	133	8.527	27	86	1.061
2.	2020	37	105	4.069	27	76	1.696

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi Tahun 2021

6.4.5. Analisis Audit selanjutnya mendapati sebanyak 66 syarikat subsidiari mencatatkan keuntungan tertinggi selepas cukai berjumlah RM8.135 bilion, iaitu di bawah KWSP, LTAT, KWAP, FELDA dan LTH. Sebanyak 45 syarikat subsidiari pula mengalami kerugian tertinggi selepas cukai berjumlah RM947.13 juta di bawah FELDA, KWAP, LTH, MARA dan UiTM. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.8**.



**JADUAL 6.8**  
**SYARIKAT SUBSIDIARI DI BAWAH AGENSI PERSEKUTUAN YANG MENGALAMI**  
**KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN SELEPAS CUKAI TERTINGGI PADA TAHUN 2021**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI TERTINGGI		KERUGIAN SELEPAS CUKAI TERTINGGI	
		BIL. SYARIKAT SUBSIDIARI	JUMLAH (RM Juta)	BIL. SYARIKAT SUBSIDIARI	JUMLAH (RM Juta)
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	39	6,209.19	-	-
2.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	6	1,087.87	-	-
3.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	8	318.67	10	193.40
4.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	6	311.20	8	411.35
5.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	7	207.79	14	181.31
6.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	-	-	10	96.53
7.	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	-	-	3	64.54
<b>JUMLAH</b>		<b>66</b>	<b>8,134.72</b>	<b>45</b>	<b>947.13</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi Tahun 2021

6.4.6. Analisis Audit mendapati hanya 10 daripada 55 Agensi Persekutuan yang mempunyai pelaburan dalam syarikat subsidiari menerima dividen daripada syarikat subsidiari bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 berjumlah RM2.902 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.9**.

**JADUAL 6.9**  
**JUMLAH DIVIDEN YANG DITERIMA**  
**DARIPADA SYARIKAT SUBSIDIARI PADA TAHUN 2021**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	BAYARAN DIVIDEN (RM)
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	2,276,846,000
2.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	381,935,883
3.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	85,840,000
4.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	84,865,418
5.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	57,635,000
6.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	6,846,000
7.	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	3,948,773
8.	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	3,728,962
9.	Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	541,756
10.	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	237,150
<b>JUMLAH</b>		<b>2,902,424,942</b>

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari Agensi Persekutuan Bagi Tahun 2021

**Pendapat Audit** | Syarikat subsidiari di bawah Agensi Persekutuan yang mencatatkan keuntungan telah menyumbang kepada kestabilan kedudukan kewangan Kumpulan. Bagaimanapun, syarikat subsidiari Agensi Persekutuan yang mengalami kerugian dan tidak dapat menjana pendapatan perlu mengukuhkan kedudukan

**kewangan dengan melaksanakan pelan pemulihan serta memperkemas tadbir urus syarikat sebagai usaha meminimumkan pendedahan risiko kepada Kumpulan.**

## **6.5. Aset Luar Jangka dan Liabiliti Luar Jangka**

6.5.1. MFRS 137 dan MPSAS 19 – Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka serta Seksyen 21 MPERS – Peruntukan dan Luar Jangka menyatakan:

- a. aset atau obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa lepas, dan kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti, dan bukan di bawah kawalan penuh entiti itu; atau
- b. obligasi kini yang timbul daripada peristiwa lepas, tetapi tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Amaun obligasi ini tidak boleh diukur dengan pasti.

6.5.2. Aset Luar Jangka dan Liabiliti Luar Jangka tidak diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan sebaliknya pendedahan mengenai Aset Luar Jangka dan Liabiliti Luar Jangka dilakukan dalam nota kepada penyata kewangan. Pengecualian terhadap pendedahan nota berkaitan Aset Luar Jangka dan Liabiliti Luar Jangka diberikan sekiranya kebarangkalian aliran keluar masuk sumber yang mengandungi manfaat ekonomi adalah tipis.

6.5.3. Berdasarkan 141 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 yang disijilkan setakat 31 Disember 2022, **sebanyak 52 Agensi Persekutuan membuat pendedahan berkaitan Aset Luar Jangka dan Liabiliti Luar Jangka. Baki 89 Agensi Persekutuan tidak membuat pendedahan berkaitan Aset Luar Jangka dan Liabiliti Luar Jangka** berikutan tiada keperluan untuk membuat pendedahan dalam nota kepada penyata kewangan.

6.5.4. Daripada 52 Agensi Persekutuan yang membuat pendedahan, **21 Agensi Persekutuan mempunyai Aset Luar Jangka dan Liabiliti Luar Jangka yang signifikan, iaitu melebihi RM10 juta.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.10.**

**JADUAL 6.10  
PENDEDAHAN NOTA ASET LUAR JANGKA DAN  
LIABILITI LUAR JANGKA YANG MELEBIHI RM10 JUTA**

BIL.	PENDEDAHAN
<b>ASET LUAR JANGKA</b>	
1.	<p><b>Bank Negara Malaysia (BNM)</b></p> <p>Jumlah Aset Luar Jangka pada 31 Disember 2021 adalah RM1.840 bilion. Aset ini terdiri daripada jumlah pendanaan Bank kepada Tabung Amanah Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (International Centre for Leadership in Finance) berjumlah RM1 bilion dan Tabung Amanah Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) berjumlah RM840 juta untuk membiayai aktiviti berkaitan dengan latihan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia dalam bidang perbankan dan perkhidmatan kewangan yang dikendalikan masing-masing oleh Asia School of Business dan Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus INCEIF. Surat Ikatan Amanah memperuntukkan bahawa jumlah pendanaan tersebut akan dikembalikan kepada Bank apabila pusat-pusat tersebut mampu berdikari pada masa hadapan.</p>
2.	<p><b>Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (BANK RAKYAT)</b></p> <p>BANK RAKYAT (Bank) telah menamatkan kemudahan pembiayaan dan memfailkan tuntutan terhadap pelanggan dan penjamin korporatnya untuk mendapatkan semula pembiayaan terkumpul sebanyak RM24 juta. Kontraktor utama, pelanggan dan penjamin korporatnya juga telah memfailkan tuntutan terhadap Bank. Mahkamah Tinggi pada 24 Januari 2018 telah menolak tuntutan kontraktor utama terhadap Bank dan defendan lain. Sementara itu, tuntutan balas pelanggan dan penjamin korporat terhadap Bank dibenarkan tetapi tiada jumlah wang yang ditentukan oleh Mahkamah dan seterusnya tertakluk kepada penilaian lanjut. Tuntutan balas penjamin korporat terhadap Bank dibenarkan tetapi merupakan tuntutan bukan kewangan. Rayuan kes telah ditetapkan pada 28 April 2022. Peguamcara Bank berpendapat bahawa berdasarkan keterangan pada perbicaraan dan hujah-hujah undang-undang utama untuk rayuan. Bank mempunyai peluang yang adil dalam rayuan tersebut.</p> <p>Defendan adalah pelanggan korporat Bank yang telah disaman oleh Bank bagi mendapatkan kembali jumlah terhutang. Walau bagaimanapun, Defendan mendakwa bahawa Bank telah menamatkan pembiayaan mereka secara salah dan bertindak memfailkan tuntutan balas terhadap Bank. Tuntutan balas Defendan terhadap Bank telah ditolak oleh Mahkamah selepas perbicaraan penuh. Defendan sedang merayu terhadap keputusan tersebut dan pengurusan kes telah ditetapkan pada 14 Jun 2022. Peguamcara Bank berpendapat bahawa Bank mempunyai peluang yang baik dalam rayuan tersebut.</p>
3.	<p><b>Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN)</b></p> <p>LPSVN telah membuat pengaduan kepada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 5 Mac 2020 bagi mendapatkan ganti rugi berjumlah RM32.87 juta berkaitan isu pelaburan di CIMB Islamic Dali Equity Theme Fund.</p>

BIL.	PENDEDAHAN
4.	<p><b>Perbadanan Aset Keretapi (RAC)</b></p> <p>Selepas tarikh Lembaran Imbangan 2010, pihak RAC mendapati wujud kontingensi aset hasil daripada proses pengauditan oleh Jabatan Audit Negara terhadap pengurusan aset dan hartanah RAC. Kontingensi aset ini adalah kerana projek usaha sama di atas tanah milik RAC yang dilaksanakan oleh pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dengan pihak swasta bagi membangunkan projek hartanah di atas tanah keretapi antara tahun 1993 hingga 1996. Projek usaha sama tersebut dilaksanakan di atas tanah RAC selepas Akta Keretapi 1991 berkuat kuasa.</p> <p>KTMB telah didapati membuat penukaran status milikan tanah kepada lima syarikat usaha sama yang dinyatakan di atas secara milik kekal atau pajakan tanpa pengetahuan RAC. Tindakan ini telah mengakibatkan RAC kehilangan hak ke atas tanah-tanah tersebut yang bernilai RM335.32 juta. Selain itu, RAC juga telah dinafikan hak atas faedah yang diterima oleh KTMB sama ada dalam bentuk tunai atau bukan tunai berjumlah RM915.99 juta.</p> <p>Berdasarkan ketetapan yang telah diputuskan melalui Mesyuarat Problem Solving Committee yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Ogos 2016 yang telah bersetuju supaya isu tanah ini tidak dilanjutkan dan RAC akur dengan keputusan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia melalui surat RAC.100-15/3/2 Jld.2 (10) bertarikh 11 Februari 2021.</p>
5.	<p><b>Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)</b></p> <p>MyIPO mempunyai Aset Luar Jangka yang telah dibawa ke pejabat Penimbang Tara mewakili tuntutan undang-undang MyIPO terhadap PJ Sentral Development Sdn. Bhd. berjumlah RM16.81 juta.</p> <p>Tindakan guaman sivil terhadap BIMB Investment Management Bhd. untuk menuntut baki simpanan tetap MyIPO berserta faedah yang sepatutnya diterima oleh MyIPO pada tahun 2019 hingga 2020 berjumlah RM43.96 juta.</p>
<b>LIABILITI LUAR JANGKA</b>	
6.	<p><b>Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)</b></p> <p>Antara tindakan undang-undang yang dihadapi DBKL adalah seperti berikut:</p> <p>a. Satu kes tuntutan ganti rugi sebanyak RM14.21 juta oleh pemilik-pemilik disebabkan kewujudan longkang konkrit yang didakwa dibina oleh DBKL di dalam tanah pemilik-pemilik menyebabkan pemilik-pemilik tidak dapat meneruskan projek pembangunan di atas tanah mereka dan bagi mendapatkan perintah Mahkamah supaya DBKL mengalihkan longkang konkrit tersebut.</p> <p>b. Satu tuntutan mahkamah sebanyak RM120 juta bagi mendapatkan ganti rugi yang dimulakan oleh pemilik sebidang tanah di kawasan Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur yang berkaitan dengan penukaran zon guna tanah pemilik di dalam Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 yang didakwa tidak selaras dengan syarat nyata tanah dan pembangunan sedia ada di tapak.</p> <p>c. Tindakan undang-undang bagi menuntut ganti rugi sebanyak RM91.64 juta oleh sebuah syarikat operator sistem tempat letak kereta disebabkan penamatan kerja-kerja mengkompaun</p>

BIL.	PENDEDAHAN
	<p>kesalahan dan kapit tayar kenderaan pada 2018 berkaitan dengan perjanjian perkhidmatan sistem tempat letak kereta awam di Kuala Lumpur.</p> <p>d. Sebuah syarikat pengurusan iklan telah memfailkan saman berkaitan dengan penamatan perjanjian Pelaksanaan Pengurusan Iklan Paparan Luar dan Program Pemutihan selain dari Struktur Free Standing dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur oleh DBKL yang mendakwa DBKL telah memungkiri perjanjian dan menuntut ganti rugi sebanyak RM46 juta akibat penamatan.</p>
7.	<p><b>Lembaga Getah Malaysia (LGM)</b></p> <p>Project Delivery Partner (PDP)</p> <p>KLIA-KLIACS Consortium pada 31 Mac 2021 mengemukakan Notis Arbitrasi untuk tuntutan sebanyak RM34.73 juta bagi tuntutan kerja-kerja yang telah dilaksanakan untuk projek Pembangunan Pusat Kecemerlangan Tanah LGM di atas Lot 50830 (Lot Lama 481), Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.</p> <p>Kes ini telah ditetapkan untuk proses mediasi di antara kedua-dua pihak pada 1 hingga 3 April 2020. Proses mediasi ditangguhkan pada 24 hingga 26 Jun 2020 disebabkan PKP. Pihak-pihak tidak dapat mencari kata sepakat pada sesi mediasi berhubung tuntutan KLIA-KLIACS Consortium. Pihak LGM telah melantik peguam untuk menyediakan laporan, iaitu Due Diligence Report yang telah diberikan kepada LGM pada 2 Julai 2020. Pihak KLIA-KLIACS Consortium serta LGM telah melantik Arbitrator masing-masing dan tarikh pra-bicara ditetapkan bermula pada bulan Ogos sehingga Oktober 2022.</p> <p>Writ Saman yang difailkan oleh Koridor Padu Sdn. Bhd. terhadap LGM, KLIA dan KLIACS Consortium</p> <p>Koridor Padu Sdn. Bhd. telah memfailkan kes terhadap LGM, KLIA dan KLIACS Consortium dengan tuntutan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Jumlah tertunggak sebanyak RM3.76 juta;</li> <li>Jumlah wang tahanan yang dipegang oleh LGM sebanyak RM2.39 juta;</li> <li>Jumlah kehilangan keuntungan untuk kontrak dan pakej TNB sebanyak RM30.97 juta; dan</li> <li>Jumlah kehilangan keuntungan untuk kontrak dan pakej NSC sebanyak RM3.59 juta.</li> </ol> <p>Pihak LGM telah memfailkan Pernyataan Pembelaan Defendan Pertama Terpinda bagi meminda Pernyataan Pembelaan Defendan Pertama yang telah difailkan sebelum ini. Pihak Koridor Padu Sdn. Bhd. juga telah memfailkan Pernyataan Tuntutan Plaintiff Terpinda.</p> <p>Pihak LGM telah memfailkan Notis Pihak Ketiga terhadap Defendan Kedua dan Defendan Ketiga. Pengurusan kes telah ditetapkan pada 23 Disember 2021 untuk arahan lanjut mahkamah manakala permohonan pihak LGM untuk Notis Pihak Ketiga telah dibenarkan.</p> <p>Pada 6 Januari 2022, mahkamah telah membenarkan KLIA untuk memfailkan pernyataan tuntutan terhadap LGM seperti Notis Pihak Ketiga LGM. Pengurusan kes terkini adalah pada</p>

BIL.	PENDEDAHAN
	<p>12 Januari 2022 di mana mahkamah telah memberi beberapa arahan pemfailan pliding pihak ketiga. Pengurusan kes selanjutnya telah ditetapkan pada 22 Februari 2022.</p>
8.	<p><b>Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)</b></p> <p>Di dalam tahun 2021, KEJORA masih dalam tindakan mahkamah oleh pihak Acmeland Development Sdn. Bhd. (Plaintif) terhadap pembatalan perjanjian usaha sama oleh KEJORA bagi Pembangunan Perumahan Bercampur. Jumlah tuntutan ganti rugi adalah sebanyak RM434.80 juta termasuk ganti rugi am dan ganti rugi teladan. KEJORA kemudian memfailkan kenyataan pembelaan bagi memohon agar keseluruhan tuntutan Plaintif ditolak dengan kos berdasarkan hujah-hujah serta bukti-bukti yang telah dikemukakan.</p> <p>Selain itu juga, Pegawai Undang-undang KEJORA memaklumkan bahawa KEJORA mempunyai peluang yang baik untuk memenangi kes ini berdasarkan fakta kes dan dokumen yang ada. Sekiranya mahkamah menetapkan agar kes ini berjalan secara perbicaraan penuh melalui keterangan saksi-saksi, maka peluang untuk menang adalah 50% bergantung kepada keterangan yang diberikan. Mengambil kira jangkaan sekiranya kes ini kalah, maka liabiliti yang perlu dibayar kepada pihak Plaintif adalah berjumlah RM3 juta.</p>
9.	<p><b>Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)</b></p> <p>GES Resources Malaysia Sdn. Bhd. (GES) vs. FELDA</p> <p>Pada 22 Mac 2021, GES bertindak memfailkan saman di Mahkamah Tinggi atas kegagalan FELDA untuk mengeluarkan Surat Tawaran Kerja bagi aktiviti perlombongan logam manganese di ladang FGV Plantation Malaysia Sdn. Bhd. Jumlah keseluruhan tuntutan GES di mahkamah berjumlah RM207 juta.</p> <p>Berdasarkan penilaian yang dilakukan terhadap dokumen untuk perbicaraan yang telah difailkan di mahkamah, sekiranya plaintif berjaya terhadap tuntutan mereka kepada FELDA, anggaran pendedahan kewangan FELDA adalah sebanyak RM1.5 juta termasuk kos guaman.</p> <p>Tawaran penyelesaian luar mahkamah sejumlah RM1.02 juta berdasarkan kos sebenar telah dicadangkan oleh FELDA kepada GES pada 19 Julai 2022 tertakluk kepada pembuktian resit-resit bayaran oleh GES. GES sedang menimbangkan cadangan penyelesaian daripada FELDA. Kes telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 11 hingga 13 Oktober 2022.</p>
10.	<p><b>Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)</b></p> <p>LHDNM telah menjalankan kerja pengauditan pematuhan ke atas penaksiran cukai bagi tahun taksiran 2009 hingga 2018. LHDNM melalui surat bertarikh 3 Jun 2021 telah mengenakan cukai taksiran tambahan berjumlah RM232.95 juta yang merangkumi:</p> <p>a. cukai tambahan ke atas pendapatan bercukai (royalti, faedah, jualan hasil sawit, sewaan dan pendapatan lain) dan keseluruhan perbelanjaan (hasil dan modal) sejumlah RM143.42 juta;</p> <p>b. penalti di bawah subseksyen 113(2) Akta Cukai Pendapatan 1967 pada kadar 45% sejumlah RM68.35 juta; dan</p>

BIL.	PENDEDAHAN
	<p>tambahan cukai lewat bayar di bawah seksyen 103/103A Akta Cukai Pendapatan 1967 sejumlah RM21.18 juta.</p> <p>Pada 15 Jun 2021, MPOB melalui YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah mengemukakan permohonan pengecualian cukai ke atas keseluruhan pendapatan MPOB dan sebarang pengenaan cukai taksiran tambahan kepada YB Menteri Kewangan.</p> <p>Pada 23 November 2021, Jabatan Resolusi Pertikaian LHDNM telah mengemukakan Surat Cadangan Penyelesaian Cukai yang membenarkan cukai tambahan yang perlu dibayar bagi tahun taksiran 2009 hingga 2018 berjumlah RM17.89 juta dan pembayaran telah dibuat pada 28 Januari 2022.</p>
11.	<p><b>Majlis Amanah Rakyat (MARA)</b></p> <p>Tuntutan pembekal ke atas MARA kerana tidak membuat pembayaran kerja-kerja tambahan pada tahun 2021 berjumlah RM18.53 juta (2020: RM18.53 juta).</p>
12.	<p><b>Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)</b></p> <p>Pada 1 Ogos 2018, Inai Kiara Sdn. Bhd. &amp; Hwa Chi Construction Co. Ltd. (IKHCJV) telah mengemukakan surat tuntutan berjumlah RM420 juta sebagai ganti rugi bagi dakwaan pelanggaran kontrak oleh ECERDC. Pihak ECERDC telah menafikan segala tuntutan IKHCJV tersebut pada 15 Ogos 2018.</p> <p>Pada 10 Mei 2019, IKHCJV telah mengeluarkan Notis Timbang Tara yang merangkumi tuntutan ganti rugi sejumlah RM420 juta berdasarkan dakwaan pelanggaran kontrak serta dakwaan pelanggaran Perjanjian Pelantikan Semula oleh ECERDC. Namun pada 5 Julai 2019, pihak ECERDC telah membalas notis tersebut dengan menolak semua tuntutan dan mengemukakan Tuntutan Balas berjumlah RM261 juta. Kedua-dua belah pihak telah bersetuju agar perkara ini diselesaikan melalui proses timbang tara di Asia International Arbitration Center.</p> <p>Pada 21 Julai 2020, IKHCJV telah mengemukakan Penyata Tuntutan berjumlah RM556 juta. Pada 22 September 2020, pihak ECERDC telah mengemukakan Penyata Pembelaan bagi menafikan semua tuntutan yang dinyatakan di dalam Penyata Tuntutan serta mengemukakan Tuntutan Balas terhadap IKHCJV berjumlah RM261 juta.</p> <p>Prosiding Timbang Tara telah dijadualkan untuk dimulakan pada 23 Ogos hingga 9 September 2021. Bagaimanapun, pada 6 Julai 2021, satu perintah penggulungan telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam terhadap syarikat Inai Kiara Sdn. Bhd. dan Tribunal Timbang Tara telah mengeluarkan arahan bagi penundaan sementara untuk proses timbang tara.</p> <p>Pada 5 November 2021, ECERDC telah dimaklumkan bahawa perintah penggulungan terhadap Inai Kiara Sdn. Bhd. telah ditangguhkan ekoran perintah persetujuan yang difailkan oleh Inai Kiara Sdn. Bhd. dan pihak penuntut, LHDNM.</p> <p>Prosiding Timbang Tara kini disambung semula dengan Jadual Prosiding baharu, iaitu perbincangan kes telah dijadualkan antara 13 Februari sehingga 10 Mac 2023.</p>

BIL.	PENDEDAHAN
13.	<p><b>Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM)</b></p> <p>Jaminan bank untuk tiga projek di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berjumlah RM221.31 juta.</p> <p>Tuntutan bagi ganti rugi kerugian berikutan penamatan kontrak berjumlah RM16.24 juta sedang di peringkat timbang tara.</p>
14.	<p><b>Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)</b></p> <p>PR1MA vs. Eastcape Vista Sdn. Bhd. (EVSB) dan Uplands Green Sdn. Bhd. (UGSB)</p> <p>PR1MA, EVSB (Kontraktor) dan UGSB (Tuan Tanah) telah memeterai suatu perjanjian 'Master EnBloc Purchase Agreement' (MEBPA) bertarikh 15 Mac 2016. Melalui suatu Perjanjian Tambahan bertarikh 28 Ogos 2017, syarat-syarat tertentu MEBPA telah dipinda. MEBPA memperuntukkan penjualan oleh UGSB dan perolehan tanah oleh PR1MA dengan jumlah terkumpul sebanyak RM70.34 juta. Sehingga kini, jumlah baki sebanyak RM46.30 juta masih perlu dibayar untuk pembelian tanah tersebut. Suatu pertikaian telah wujud antara PR1MA, EVSB dan UGSB. Pada bulan September 2020, rundingan telah diadakan dengan tujuan untuk menamatkan MEBPA, Perjanjian Tambahan dan Projek secara bersama dengan syarat-syarat yang dipersetujui oleh semua pihak.</p> <p>Syarat-syarat yang dipersetujui akan dibuat dalam bentuk perjanjian penamatan bersama (Mutual Termination Agreement, MTA) untuk dimeterai oleh semua pihak. Walau bagaimanapun, EVSB hanya melaksanakan sebahagian daripada tanggungjawabnya di bawah MTA tersebut dan enggan meneruskan tanggungjawab tersebut manakala UGSB enggan menghormati Perjanjian tersebut dengan menuntut jumlah baki bersama berserta faedah bayaran lewat langsung daripada PR1MA. Peguamcara PR1MA telah mengeluarkan Notis Tuntutan kepada EVSB dan UGSB pada 17 Mei 2021. Pada 16 Julai 2021, PR1MA telah memulakan tindakan guaman terhadap EVSB dan UGSB untuk menuntut, antara lainnya, relief-relief perisytiharan dan pelaksanaan spesifik dan/atau ganti rugi sebagai ganti atau sebagai tambahan pelaksanaan spesifik daripada EVSB dan UGSB. Kes ini masih berlangsung dan mahkamah akan memberi arahan selanjutnya.</p> <p>PR1MA vs. Perbadanan Aset Keretapi (RAC)</p> <p>Pada 7 September 2020, RAC telah memfailkan kaveat 8386/2020 (Kaveat) di atas tanah milik PR1MA untuk pembangunan PR1MA Projek Seremban Sentral (Tanah Projek) atas alasan tiada perjanjian pembangunan yang ditandatangani antara PR1MA dan RAC untuk pembangunan projek Seremban Sentral seperti yang diarahkan dalam Kertas Kabinet pada 16 Mac 2015. PR1MA menyedari Kaveat tersebut melalui pencarian tanah pada 12 Januari 2021 semasa permohonan pecah bahagian hak milik dibuat bagi projek tersebut. PR1MA meminta RAC menarik balik Kaveat melalui surat bertarikh 15 Mac 2021, 3 Jun 2021 dan 21 Jun 2021, yang enggan dipatuhi oleh RAC. Pada 26 Ogos 2021, PR1MA memfailkan permohonan di mahkamah untuk mengeluarkan Kaveat tersebut. Pada 18 Mac 2022, Mahkamah mencadangkan supaya pihak-pihak menjalankan mediasi untuk mengelakkan litigasi antara kedua-dua agensi kerajaan dan terdapat peluang yang baik untuk kedua-dua pihak mencapai jalan penyelesaian. Pada 30 Mac 2022, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk mediasi dan mediasi telah diadakan pada</p>



BIL.	PENDEDAHAN
	<p>25 April 2022. PR1MA bersetuju untuk membuat pembayaran sebanyak RM25 juta kepada RAC untuk pemindahan tanah dan pemindahan 55 unit PR1MA Seremban Sentral namun bergantung kepada kelulusan dan keputusan Anggota Perbadanan PR1MA. Kes ini masih berlangsung dan pengurusan kes akan diadakan pada 9 Jun 2022.</p>
15.	<p><b>Perbadanan Putrajaya (PPj)</b></p> <p>Sehingga 31 Disember 2021, antara lain terdapat satu kes di antara PPj dengan pemaju, iaitu Ulster Waves Sdn. Bhd. berhubung tuntutan berkenaan deklarasi PPj dalam penentuan kadar nilai melebihi nilainya. Deklarasi dan perintah agar Nilai Tahunan dikurangkan atau disemak semula daripada RM13 juta kepada RM9 juta.</p>
16.	<p><b>Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)</b></p> <p>NCIA telah menandatangani Memorandum of Understanding pada 29 Mac 2010 dan perjanjian pada 17 Januari 2011 bagi Program Akuakultur Selinsing Perak (PASP) dengan syarikat Hannan Corporation Sdn. Bhd. (Hannan). Pihak NCIA telah melakukan penilaian pencapaian projek dan pemeriksaan di lapangan pada 2017 dan memutuskan bahawa Hannan telah gagal memenuhi terma perjanjian. Pihak Hannan juga dikehendaki membayar sejumlah RM25.18 juta dengan faedah berterusan pada kadar 5% bermula 25 Mei 2018 sehingga selesai bayaran penuh. Kegagalan Hannan untuk memenuhi kehendak Penghakiman ini telah menyebabkan NCIA memfailkan Petisyen Pengguguran terhadap Hannan di mana Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah memuktamadkan pengguguran syarikat itu pada 1 April 2022.</p>
17.	<p><b>Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</b></p> <p>Formis Network Services Sdn. Bhd. (Plaintif) vs. SSM (Defendan):</p> <p>SSM telah menandatangani perjanjian dengan Formis Network Services Sdn. Bhd. (FNS) untuk Outsourcing Agreement For The Supply, Implementation, Training, Support, and Maintenance of SSM's Core Registry Solution. Perjanjian ini berkuat kuasa pada 17 Mac 2017 dan kemudian ditamatkan pada 5 Ogos 2019. Plaintif dalam Writ Saman dan Penyataan Tuntutan bertarikh 11 Februari 2021, telah menuntut kerugian terhadap defendan berjumlah RM128.18 juta yang merangkumi kos kerugian, kerosakan dan kehilangan hasil. SSM telah mengemukakan Pembelaan dan Tuntutan Balas terhadap plaintif berjumlah RM49.30 juta pada 2 April 2021.</p> <p>Liberty Technology Resources Sdn. Bhd. (Plaintif) vs. SSM (Defendan):</p> <p>Pada bulan Mac 2017, SSM telah menawarkan tender perkhidmatan Supply, Implementation, Training, Support and Warranty and Maintenance of Enterprise Resource Planning kepada Liberty Resources Technology Sdn. Bhd. di mana projek ini kemudian ditamatkan pada 23 Disember 2019. Plaintif dalam Writ Saman dan Penyataan Tuntutan bertarikh 26 November 2020 telah menuntut kerugian terhadap defendan sejumlah RM19.87 juta manakala SSM telah mengemukakan Pembelaan dan Tuntutan Balas terhadap plaintif berjumlah RM12.24 juta pada 13 Januari 2021.</p> <p>Merujuk Saman Pemula bertarikh 8 Disember 2020, plaintif telah menghalang dan melarang defendan-defendan daripada mengambil apa-apa langkah menuntut, menerima, mengguna</p>

BIL.	PENDEDAHAN
	dan/atau berurusan serta membuat pembayaran dan/atau melepaskan dua Jaminan Bank berjumlah RM1.78 juta. Namun melalui Affidavit in Reply oleh SSM bertarikh 8 Januari 2021, SSM telah menerima Jaminan Bank berkenaan pada 19 April 2021 serta telah direkod di bawah pemiutang lain.
18.	<p><b>Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)</b></p> <p>Sijil Ketua Audit Negara pada tahun 2019 menyatakan UniSZA yang mewakili Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) perlu membayar balik pendahuluan kepada Kerajaan Negeri Terengganu bagi pengambilalihan Kolej Universiti Sultan Zainal Abidin (KUSZA). Namun KPT berpandangan hutang tersebut selesai setelah bayaran akhir dibuat pada tahun 2019 sejumlah RM183.24 juta bagi pengambilalihan KUSZA.</p>
19.	<p><b>Universiti Teknologi MARA (UiTM)</b></p> <p>UiTM dan Kumpulan terlibat dalam beberapa tindakan undang-undang yang mana keputusan dan kemungkinan pampasan jika ada melibatkan jumlah yang perlu dibayar oleh UiTM bagi 10 kes dengan anggaran RM52.11 juta.</p> <p>Perincian liabiliti tidak didedahkan bagi mengelakkan prejudis terhadap keputusan litigasi. Selain itu, pihak UiTM juga telah memfailkan 14 tindakan undang-undang berkaitan tuntutan Kontrak Pembangunan, Pecah Kontrak Biasiswa, dan lain-lain kes yang keseluruhannya berjumlah RM3.31 juta.</p>
20.	<p><b>Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)</b></p> <p>Pada tahun 2021, terdapat tuntutan oleh kontraktor UTEN Holdings Sdn. Bhd. terhadap UTHM yang melibatkan kos tuntutan sebanyak RM46.99 juta. Kes ini dijangka selesai pada tahun 2024.</p>
21.	<p><b>Universiti Utara Malaysia (UUM)</b></p> <p>Letter of Awareness telah diberikan kepada bank sebagai sekuriti pembiayaan perniagaan berjumlah RM45 juta bagi salah satu syarikat subsidiari.</p>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi Tahun 2021

**Pendapat Audit** | **Pendedahan Aset dan Liabiliti Luar Jangka di nota kepada penyata kewangan oleh Agensi Persekutuan adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang ditetapkan. Ini menunjukkan komitmen Agensi Persekutuan dalam menyelesaikan sesuatu tuntutan.**

## 6.6. Kesan Pandemik Covid-19

6.6.1. Pandemik Covid-19 yang berlaku secara global bermula tahun 2020 telah berlarutan dan usaha untuk mencegah wabak ini dilaksanakan melalui sekatan aktiviti yang memberi impak kepada operasi utama Agensi Persekutuan. **Pandemik ini**

memberi kesan kepada prestasi kewangan Agensi Persekutuan bagi tahun berakhir 2021 dan dilaporkan dalam nota kepada penyata kewangan.

6.6.2. Berdasarkan penyata kewangan Agensi Persekutuan yang telah disijilkan sehingga 31 Disember 2022, **sebanyak 73 Agensi Persekutuan telah membuat pendedahan dalam nota kepada penyata kewangan mengenai kesan pandemik Covid-19.** Pendedahan yang dilakukan dalam nota kepada penyata kewangan ini antaranya berkaitan dengan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, pengumuman Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengenai pandemik Covid-19, pelaksanaan PKP oleh Kerajaan, kesan pandemik Covid-19 ke atas operasi Agensi Persekutuan dan langkah-langkah yang diambil bagi menangani kesan pandemik Covid-19.

6.6.3. Daripada 73 Agensi Persekutuan yang membuat pendedahan dalam nota kepada penyata kewangan, **sebanyak 32 Agensi Persekutuan membuat pendedahan kesan pandemik Covid-19 terhadap hasil dan perbelanjaan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.11.**

**JADUAL 6.11**  
**AGENSI PERSEKUTUAN YANG MEMBUAT PENDEDAHAN BERKAITAN**  
**KESAN PANDEMIK COVID-19 TERHADAP HASIL DAN PERBELANJAAN**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENDEDAHAN
1.	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)	ASWARA telah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah ASWARA untuk mengurangkan kos pembayaran yuran peralatan bagi pelajar-pelajar semester 1 dan 2, Sesi Akademik 2020/2021 untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dan Diploma serta pelajar-pelajar semester 2 dan 3, Sesi Akademik 2020/2021 untuk pelajar Asasi Seni Kreatif. Jumlah pengurangan kos pembayaran yuran peralatan adalah sebanyak RM225,040 yang memberi kesan terhadap pengurangan hasil dari perkhidmatan.
2.	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Pelaksanaan inisiatif di bawah Inisiatif Wilayah Cakna melibatkan implikasi kepada pengurangan pendapatan dan tanggungan kos yang perlu dibelanjakan oleh DBKL sehingga 31 Disember 2021 seperti: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pengecualian sewa bulanan premis DBKL;</li> <li>b. Kos pengurusan gelandangan serta pelbagai; dan</li> <li>c. Bekalan alat perkakas dan perlindungan.</li> </ul>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENDEDAHAN
3.	Institut Akauntan Malaysia (MIA)	MIA telah memanfaatkan platform dalam talian untuk menjalankan aktiviti-aktiviti Pembangunan Profesional bagi menyokong keperluan Continuing Professional Development (CPD) para ahli. Ini membolehkan MIA mengekalkan penjana pendapatan bagi menyokong pelbagai operasi MIA.
4.	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	Akibat daripada Covid-19, MARDI telah mengalami pengurangan pendapatan di mana MARDI telah dikenakan sekatan peruntukan berjumlah RM54.70 juta melalui surat MoF rujukan MOF.NBO.600-9/230(32) bertarikh 6 Oktober 2020. Kesan daripada sekatan tersebut, MARDI terpaksa menampung perbelanjaan menggunakan sumber dalaman MARDI. Selain daripada itu, terdapat penurunan pendapatan melibatkan keuntungan pelaburan, sewaan dan hasil dana pusingan MARDI.
5.	Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN)	Sejumlah RM4.09 juta dana KWAN digunakan untuk tujuan perolehan vaksin dan perbelanjaan berkaitan vaksin.
6.	Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE)	Penularan wabak pandemik Covid-19 memberi kesan kepada KWIE dengan penggunaan dana KWIE untuk menampung pemberian diskaun bil elektrik kepada pengguna pada tahun 2021 dan 2020.
7.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Pelaburan KWSP terutamanya portfolio ekuiti tersenarai mengalami turun naik yang lebih tinggi susulan ketidakpastian daripada pemulihan ekonomi dan peningkatan jangkaan inflasi. Kedua-dua indeks pasaran saham domestik dan global telah menurun pada suku ketiga tahun 2021 sebelum menunjukkan pemulihan pada akhir tahun 2021. Namun demikian, dengan strategi pelaburan yang dinamik dan pengurusan portfolio yang aktif bersama-sama dengan pengurusan risiko proaktif, Kumpulan dan KWSP telah melaporkan baki penutup Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Rizab Pendapatan Komprehensif Lain dalam keadaan sihat di mana masing-masing berjumlah RM5.59 bilion dan RM3.22 bilion pada 31 Disember 2021.
8.	Lembaga Ahli Geologi (BoG)	BoG turut terkesan dengan serangan pandemik Covid-19 ini apabila bilangan ahli yang berdaftar semakin berkurangan. Antara sebab-sebabnya: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. PKP telah menghadkan pergerakan dan aktiviti ekonomi rakyat. Ini telah memberi kesan kepada jumlah pendaftaran ahli-ahli Geologi disebabkan pejabat terpaksa ditutup atas arahan kerajaan dan aktiviti-aktiviti yang dirancang tidak dapat dijalankan seperti yang dijadualkan; dan</li> </ul>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENDEDAHAN
		b. Kerajaan telah mengambil tindakan menyekat kemasukan pekerja asing dan terdapat ahli Geologi Asing yang pulang ke negara asal. Ini telah memberi kesan yang besar kepada hasil BoG kerana caj bagi pendaftaran ahli Geologi Asing adalah berjumlah RM1,000 seorang.
9.	Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)	Penurunan amaun yang material bagi yuran keahlian sebanyak 50% berbanding tahun kewangan lalu. Penurunan amaun tersebut adalah disebabkan pengecualian mata kredit CPD dan diskaun 50% yang disebabkan oleh pandemik Covid-19 ini.
10.	Lembaga Getah Malaysia (LGM)	Kesan daripada wabak Covid-19 ke atas prestasi kewangan Lembaga dan Kumpulan adalah penurunan hasil faedah dari pelaburan deposit tetap. Sejak penularan wabak ini, BNM telah mengurangkan OPR sebanyak 75 mata asas kepada 1.75%, paras terendah dalam tempoh sepuluh tahun berikutan keadaan ekonomi global yang semakin lemah dan langkah membendung pandemik Covid-19. Gelombang jangkitan Covid-19 yang kedua dan seterusnya telah memberi kesan kepada perdagangan antarabangsa dan juga OPR masih kekal pada kadar 1.75%.
11.	Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)	Pelaksanaan PKP telah memberi kesan kepada orang berdaftar, syarikat amalan perundingan kejuruteraan dan LJM serta secara tidak langsung mengekang beberapa aktiviti LJM dan seterusnya memberi kesan terhadap prestasi kewangan LJM di mana terdapat pengurangan penerimaan yuran.
12.	Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM)	Covid-19 mempunyai kesan negatif yang signifikan terhadap hasil dan belanja operasi LJBM. Khususnya, aktiviti dan program CPD yang tidak diadakan sepanjang tempoh PKP telah menyumbang kepada penurunan hasil kutipan yuran CPD dan perbelanjaan untuk program CPD.
13.	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	Semasa tahun 2021, KETENGAH telah menawarkan moratorium, iaitu pengecualian sewaan dan penangguhan bayaran balik sewa beli, pinjaman rumah dan jual beli tanah selama tempoh 12 bulan bermula 1 Januari hingga 31 Disember 2021 selaras dengan seruan kerajaan untuk meringankan beban kewangan penduduk dalam Wilayah KETENGAH yang terjejas akibat Covid-19. Namun begitu, moratorium ini dikecualikan kepada penyewa-penyewa yang menolak tawaran tersebut. Moratorium ini memberi impak secara langsung ke atas pendapatan KETENGAH bagi tempoh kewangan 2021.

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENDEDAHAN
14.	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)	KEDA mengambil inisiatif dengan memberikan pengecualian sewaan kepada penyewa rumah, rumah kedai, bengkel dan bangunan industri selama enam bulan berkuat kuasa 1 April sehingga 30 September 2020. Pengecualian ini juga dilanjutkan kembali bermula 1 Januari hingga 31 Mac 2021 dan 1 Mei hingga 31 Disember 2021. Pengecualian ini akan menyebabkan hasil sewaan KEDA berkurangan.
15.	Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM)	<p>a. Pandemik Covid-19 telah memberi kesan kepada prestasi kewangan LLM terutamanya dalam penjana hasil dan perbelanjaan pengurusan. Keuntungan simpanan tetap telah menurun dalam tahun semasa sebanyak 27.9% berbanding tahun sebelum disebabkan kadar tawaran peletakan deposit oleh bank dan institusi kewangan adalah rendah. Hasil paparan iklan juga secara keseluruhannya telah mencatatkan penurunan sebanyak 35.7% dalam tahun semasa berbanding tahun sebelum disebabkan pemain industri paparan iklan terkesan dengan penularan wabak Covid-19.</p> <p>b. Dasar Bekerja Dari Rumah yang dilaksanakan pada awal tahun semasa telah memberi penjimatan ke atas perbelanjaan pengurusan seperti bekalan bahan mentah, inventori dan bahan-bahan lain serta perbelanjaan perjalanan dan sara hidup.</p>
16.	Lembaga Pelabuhan Johor (LP JOHOR)	<p>a. Terdapat penurunan dari segi penerimaan sewaan rumah rehat LP JOHOR (Port Suite) disebabkan perkhidmatan penyewaan rumah rehat masih tidak beroperasi sepanjang tahun 2021.</p> <p>b. Pendapatan daripada pelaburan pada tahun 2021 turut mencatatkan penurunan kesan dari semakan OPR sebanyak empat kali oleh BNM pada tahun 2020 dari 3.0% kepada 1.75%. Kesan dari penurunan kadar keuntungan ini memberi impak kepada pendapatan memandangkan keuntungan yang diterima adalah pada tahun 2021 apabila pelaburan matang. Selain itu, situasi ini turut memberi kesan kepada kadar keuntungan yang diterima oleh LP Johor serta dividen dari pelaburan pengurusan tunai dan pelaburan modal terjamin.</p> <p>c. Dari aspek perbelanjaan pula, LP JOHOR telah melaksanakan beberapa perbelanjaan yang bersifat rutin dan program yang telah dirancang. Terdapat beberapa perbelanjaan dilaksanakan merupakan sumbangan kepada komuniti setempat serta bantuan kepada mangsa banjir pada penghujung tahun 2021.</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENDEDAHAN
17.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	Pendapatan sewa premis pemasaran FAMA telah berkurang berikutan daripada penularan Covid-19 yang melanda pada pertengahan bulan Februari 2020. Pengurangan adalah disebabkan oleh kemudahan pengecualian bayaran sewa yang telah diluluskan oleh pengurusan tertinggi FAMA dalam tempoh pandemik bertujuan meringankan bebanan usahawan yang terjejas pendapatannya. Pendapatan FAMA telah kembali menunjukkan peningkatan selepas tamatnya tempoh moratorium pada akhir bulan Disember 2021.
18.	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)	LPPM berperanan untuk mempergiatkan semula aktiviti promosi dan pemasaran dengan mengoptimumkan peruntukan di bawah Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan pasca Covid-19 tahun 2021. Kesan perbelanjaan peruntukan ini dapat dilihat pada prestasi perbelanjaan tahun 2021 yang masih rendah berbanding perbelanjaan tahun 2020.
19.	Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah (Lembaga Timah)	<p>a. Pandemik telah memberi kesan kepada jumlah hasil Lembaga Timah. Pelaksanaan PKP 3.0 dan penutupan operasi perlombongan timah telah mengakibatkan penurunan jumlah pendapatan yang diterima bagi tahun 2021.</p> <p>b. Langkah-langkah penjimatan kos telah dilaksanakan pada tahun 2021 bagi meminimumkan kesan kewangan tersebut supaya dapat menampung peruntukan belanjawan seperti dalam pemberian geran penyelidikan.</p>
20.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	<p>Pandemik Covid-19 memberi kesan negatif kepada operasi Kumpulan. Antara impak kepada Kumpulan ialah:</p> <p>a. Pengeluaran tandan buah segar yang lebih rendah direkodkan oleh Tabung Haji Plantation Berhad kerana kekurangan tenaga buruh akibat penutupan sempadan antarabangsa. Pekerja asing tidak dapat memasuki negara ini dan akibatnya, pengeluaran terjejas, dan hasil penuaian telah berkurang;</p> <p>b. Segmen hospitaliti terus terjejas dengan pelbagai PKP, sekatan perjalanan antara negeri dan penutupan sempadan antarabangsa. Sekatan sedemikian telah mengurangkan tempahan bilik dan acara, mengakibatkan pengurangan pendapatan dan keuntungan; dan</p> <p>c. Pandemik ini juga telah menyebabkan penangguhan aktiviti penyelenggaraan tertentu ke atas hartanah TH serta penangguhan pengosongan hartanah oleh penyewa, dan memberi kesan kepada nilai hartanah dan mengakibatkan</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENDEDAHAN
		kerugian nilai saksama tambahan ke atas penilaian semula aset hartanah pelaburan.
21.	Lembaga Totalisator Malaysia (LTM)	Oleh kerana PKP 2.0 dan 3.0 yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia, operasi ramalan nombor ditutup dari tempoh 13 Januari hingga 15 Februari 2021 dan dari 1 Jun hingga 13 September 2021. Dengan itu, hasil royalti LTM terus menurun pada tahun semasa. Aktiviti-aktiviti perlumbaan kuda juga tidak beroperasi bagi tempoh tersebut.
22.	LGM Properties Corporation (LGMPC)	Diskaun sewaan sebanyak RM483,910 bagi tempoh April sehingga September 2021 diberikan kepada penyewa-penyewa Bangunan Getah Asli, Banglo dan Desaru Terrace juga mengakibatkan kerugian kepada LGMPC. Pemberian diskaun ini adalah sempena menyokong kempen kerajaan pemulihan ekonomi negara.
23.	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)	<p>a. Kesan pandemik telah menyebabkan peningkatan ke atas kos untuk menambah baik sistem infra dan infostruktur sebanyak RM291,370 bagi melancarkan program latihan yang dilaksanakan secara Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Bagaimanapun, PdPR juga telah memberi penjimatan ke atas perbelanjaan utiliti, bekalan, bahan, peralatan, penyelenggaraan dan pembaikan berjumlah RM257,000.</p> <p>b. Kutipan bayaran balik pinjaman Skim Pembiayaan Mikro Usahawan Veteran Angkatan Tentera Malaysia pula menurun sebanyak RM1.80 juta disebabkan penangguhan tempoh bayaran balik pinjaman oleh peminjam dan faktor perniagaan peminjam terjejas akibat pandemik.</p>
24.	Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)	Pengurangan kadar premium dan levi diteruskan untuk tahun taksiran 2021. Walaupun hasil premium dan levi serta pendapatan pelaburan telah berkurangan, PIDM masih dapat mengumpul lebih bersih tahunan bagi membina Dana Perlindungannya.
25.	Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)	<p>a. Jumlah jualan Kumpulan telah menurun dari 7,083 unit pada tahun 2020 kepada 5,643 unit pada tahun 2021 dan seterusnya hasil Kumpulan telah menurun daripada RM1.565 bilion pada tahun 2020 kepada RM1.439 bilion pada tahun 2021. Kumpulan juga telah menilai risiko berkaitan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) disebabkan kelewatan di dalam menyiapkan pembangunan hartanah sejak bermulanya penularan wabak Covid-19 pada penghujung tahun 2019. Pada tahun kewangan semasa, Kumpulan telah mengiktiraf LAD kepada pembeli</p>



BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENDEDAHAN
		<p>rumah yang termasuk di dalam kontingensi, berjumlah RM45.90 juta.</p> <p>b. Bagi menampung kos bahan binaan yang meningkat dan kos tambahan disebabkan pematuhan operasi standard, Kumpulan telah memperkenalkan Pakej Rangsangan melalui Pakej Perlindungan Rakyat &amp; Pemulihan Ekonomi dan membelanjakan sebanyak RM18.45 juta pada tahun kewangan semasa. Pakej Rangsangan ini juga adalah untuk memastikan pembangunan projek sedia ada dapat disiapkan mengikut perancangan yang ditetapkan.</p>
26.	Perbadanan Putrajaya (PPj)	<p>Pelaksanaan inisiatif di bawah Inisiatif Wilayah Cakna melibatkan implikasi pendapatan oleh PPj sehingga 31 Disember 2021, iaitu pengurangan pendapatan sebanyak RM6.50 juta yang terdiri daripada hasil Sewaan, Lesen dan Permit, Kompaun dan Denda dan Pendapatan Perkhidmatan bagi inisiatif seperti berikut:</p> <p>a. Pengurangan 50% kadar sewa fasiliti PPj (Januari hingga Disember 2021);</p> <p>b. Pengecualian bayaran bagi pembaharuan lesen perniagaan;</p> <p>c. 10% rebat cukai taksiran Wilayah Persekutuan Putrajaya tahun 2021 (Bangunan Komersil dan Perindustrian);</p> <p>d. Penangguhan bayaran cukai taksiran tahun 2021;</p> <p>e. Pengecualian penalti denda lewat cukai taksiran tertunggak tahun 2020 dan 2021 (Notis E);</p> <p>f. Pengecualian bayaran Fi Lesen Perniagaan (Julai hingga Disember 2021); dan</p> <p>g. Pengecualian yuran tadika MAIWP kelolaan PPj (Jun hingga November 2021).</p>
27.	Suruhanjaya Tenaga (ST)	<p>Pelaksanaan PKP telah membataskan kerja pengawalseliaan khususnya aktiviti penguatkuasaan di premis pelesen-pelesen dan menjejaskan prestasi kutipan hasil dan perbelanjaan bagi Perjalanan dan Sara Hidup.</p>
28.	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	<p>Impak Covid-19 ke atas Penyata Kewangan 2021 adalah seperti berikut:</p> <p>a. Penurunan hasil daripada yuran pelajar disebabkan pengurangan dan pemberian diskaun yuran semester;</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENDEDAHAN
		<p>b. Penurunan hasil daripada sewaan disebabkan pemberian moratorium atau pengecualian sewaan; dan</p> <p>c. Peningkatan dalam perbelanjaan disebabkan perolehan peralatan perubatan dan peralatan perlindungan peribadi termasuk peralatan bagi pembasmian dan penyahkuman.</p>
29.	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	<p>Kumpulan dan Universiti menjangkakan bahawa potensi laporan kewangan terkesan dengan wabak Covid-19 dan diiktiraf dalam Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:</p> <p>a. Pengurangan 20% yuran pengajian dan perkhidmatan bagi Semester 1 Sidang Akademik 2021/2022 kepada pelajar yang memenuhi syarat yang telah ditetapkan; dan</p> <p>b. Diskaun bayaran sewaan bulanan kepada pengusaha kafeteria dan premis perniagaan milik Universiti mengikut syarat yang telah ditetapkan.</p>
30.	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	<p>Wabak Covid-19 juga memberikan impak ke atas Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti. Kesannya melibatkan pengurangan dan pemberian diskaun ke atas Hasil Yuran kepada pelajar yang memenuhi syarat yang telah ditetapkan.</p>
31.	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	<p>Lembaga Pengarah Universiti telah meluluskan pengurangan terhadap yuran yang dikenakan kepada pelajar yang mengakibatkan pengurangan dalam pendapatan Universiti dalam tahun 2021. PKP yang telah dikuatkuasakan Kerajaan turut memberi kesan kepada penangguhan pendaftaran fizikal dan kemasukan pelajar melibatkan pelajar antarabangsa selain pengurangan dalam penjana pendapatan dalaman Universiti akibat sekatan aktiviti.</p>
32.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	<p>a. Pandemik Covid-19 memberi kesan kepada keseluruhan hasil Universiti. Hasil yang boleh dijana oleh UTHM terutamanya melibatkan hasil yuran pelajar masih lagi di tahap yang minima kerana hanya sebahagian pelajar sahaja kembali ke kampus untuk meneruskan sesi pembelajaran secara fizikal.</p> <p>b. Selain itu, penurunan pendapatan daripada hasil faedah pelaburan simpanan tetap adalah pada tahap yang rendah kerana penurunan Kadar Dasar Semalaman (OPR) oleh BNM.</p>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Bagi Tahun 2021

**Pendapat Audit** | **Pendedahan kesan pandemik Covid-19 di nota penyata kewangan oleh Agensi Persekutuan terhadap operasi dan prestasi kewangan masing-masing khususnya hasil dan perbelanjaan. Pelbagai usaha dan langkah telah diambil oleh Agensi Persekutuan melalui pemberian insentif kepada pihak atau individu yang terjejas.**

## **7. SYOR AUDIT**

Agensi Persekutuan termasuk kementerian hendaklah sentiasa peka terhadap pematuhan piawaian perakaunan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Pemantauan yang berterusan dan efektif di semua peringkat dapat memastikan penyediaan penyata kewangan adalah benar dan saksama. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

7.1. Agensi Persekutuan perlu mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh masa yang ditetapkan selaras dengan Akta 240;

7.2. pihak pengurusan Agensi Persekutuan hendaklah memastikan piawaian perakaunan dan peraturan kewangan dipatuhi supaya tadbir urus agensi dilaksanakan dengan lebih teratur, cekap dan berkesan; dan

7.3. pihak pengurusan Agensi Persekutuan hendaklah mengambil tindakan proaktif dan berkesan bagi menyelesaikan semua isu yang dibangkitkan.